

PENCETUS MINDA KOPERASI NEGARA

INFO



Bil. 2/2025 ISSN 0127-0123



Sambutan Jubli Platinum: Tujuh Dekad Memperkasa Koperasi

*Majlis Peluncuran Program Pengajian
Doctor of Business Administration dan
Master in Business Administration oleh UKKM*

www.ikma.edu.my





Tahniah

Diucapkan kepada
**YB TUAN STEVEN SIM
CHEE KEONG**

atas pelantikan sebagai
**MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN
DAN KOPERASI**

Ikhlas daripada
**Lembaga Pengarah,
Pengurusan Tertinggi dan Warga Kerja
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
(IKMa)**



 Institut Koperasi Malaysia





Tahniah

Diucapkan kepada
**YB DATUK MOHAMAD
BIN ALAMIN**

atas pelantikan sebagai
**TIMBALAN MENTERI
PEMBANGUNAN USAHAWAN
DAN KOPERASI**

Ikhlas daripada
**Lembaga Pengarah,
Pengurusan Tertinggi dan Warga Kerja
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
(IKMa)**



 Institut Koperasi Malaysia



Sidang Editor

Penasihat

YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor

Ketua Editor

Hamidah Mohd Jos

Editor

Nor Aslamiah Ali
Nur Syazwani Zainul Abidin
Mohamad Suandi Mortadza
Muhammad Afnan Hasim
Noor Shafeeza Zainuddin
Norawati Ngatmin
Nur Syamimi Othman
Adila Hashim
Maryam Hamidah Mohd Ghazi
Afiza Abdul Karim
Khairul Akmal Saim
Nor Azmawati Hj. Mohd Shafii
Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Nazirah Baharudin
Julizah Sabstu
Nuur-Fadzillah Zullkepli
Norul Hayatie Hashim
Muhamad Shafiq Mohd Noor
Norfaezah Mahmood
Zaharatul Laili Zakaria

Urus Setia

Sharepah Nur Azirah Shareh
Abd Rahman

Reka Bentuk & Cetakan

AM SOLUTIONS MASTER
amsprint@gmail.com
+6010-2252441

Dari Meja Ketua Editor



Assalamualaikum dan Salam Malaysia MADANI kepada seluruh pembaca setia Majalah INFO. Tidak terlewat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baru 2026 kepada semua pembaca setia Majalah INFO.

Tahun 2026 mencatat detik bersejarah buat Institut Koperasi Malaysia (IKMa) apabila menyambut Jubli Platinum sempena genap tujuh dekad penglibatan berterusan dalam menerajui agenda pendidikan dan latihan gerakan koperasi negara. Sejak penubuhannya pada tahun 1956, IKMa sebagai agensi di bawah naungan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) terus menggalas amanah besar dalam membangunkan modal insan koperasi yang berintegriti, kompeten dan profesional melalui pelaksanaan program latihan, penyelidikan serta khidmat nasihat yang berfokuskan keperluan semasa industri.

Seiring dengan aspirasi tersebut, edisi kali ini tampil istimewa dengan paparan sekitar Majlis Pelancaran Jubli Platinum yang diadakan bersekali dengan Program Jom@Coop: Jelajah Platinum 2026 yang mengangkat tema "Mendidik Koperasi Menjulung Legasi". Inisiatif turun padang ini dirangka sebagai platform strategik untuk mendekati warga koperasi di pelbagai peringkat, memahami cabaran sebenar yang dihadapi di lapangan, serta merangka penyelesaian praktikal yang bersifat holistik dan berimpak tinggi. Pada tahun ini, lebih daripada 20 program khusus sempena sambutan jubli platinum telah dirangka di seluruh Malaysia antaranya Seminar, Bicara CEO, Larian Jubli Platinum IKMa, Karnival Jom IKMa, Kembara IKMa & Koperasi, Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi, Majlis Makan Malam Acara Kemuncak, Kuiz Koperasi dan lain-lain.

Selain liputan khas mengenai program tersebut, beberapa artikel menarik turut menghiasi ruangan eksklusif naskhah Majalah INFO kali ini. Antaranya ialah paparan tentang IKMa di Pentas Nasional: Kejayaan Projek RKB Menjadi Sorotan Konvensyen Reformasi Perkhidmatan Awam 2025 dan IKMa Perkasa Koperasi Pertanian melalui Program Mobiliti Outbound ke Thailand. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa IKMa kini turut mengorak langkah sebagai rakan strategik di peringkat antarabangsa, sekali gus mengangkat imej institusi ini sebagai pusat rujukan latihan koperasi yang diyakini. Penglibatan dalam jaringan kerjasama serantau dan antarabangsa memperlihatkan keyakinan komuniti global terhadap kepakaran IKMa dalam pembangunan kapasiti koperasi, seterusnya meletakkan IKMa sebagai antara institusi latihan koperasi yang diiktiraf di mata dunia. Beberapa artikel lain turut diselitkan dalam keluaran kali ini yang pastinya dapat memberikan manfaat bukan sahaja kepada para koperator tetapi peranan IKMa sebagai hub pendidikan dan latihan yang semakin berkembang ke peringkat global.

Akhir bicara, semoga edisi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan bermakna kepada para pembaca. Teruslah menyokong Majalah INFO sebagai wadah perkongsian ilmu dalam ekosistem koperasi. Bersama kita perkukuh peranan koperasi demi kesejahteraan komuniti dan kemakmuran negara.

Sekian, terima kasih.

Hamidah Mohd Jos

Kandungan

EKSKLUSIF

Tujuh Dekad Memperkasa Koperasi: IKMa Rai Jubli Platinum dengan Visi Baru	06
IKMa Di Pentas Nasional: Kejayaan Projek RKB Menjadi Sorotan Konvensyen Reformasi Perkhidmatan Awam 2025	08
IKMa Perkasa Koperasi Pertanian melalui Program Mobiliti Outbound ke Thailand	10

JOM@COOP

IKMa Kukuhkan Peranan Koperasi di Perak melalui JOM@COOP 2025	12
JOM@COOP 2025 Melabuhkan Tirai: Koperasi Bersedia Terajui Era Digital & Hijau	14

FOKUS

Seminar Penyelidikan Koperasi 2025: Memperkasa Penyelidikan, Membina Kemakmuran Koperasi	16
Seminar Merevolusikan Koperasi Melalui Transformasi Digital	18
Kolokium IKMa 2025 Memacu Kelangsungan Koperasi	20
Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) IKMa: Meningkatkan Kebolehpapaian Latihan IKMa Melalui Portal Pemasaran Digital	22
IKMa Terajui Seminar Koperasi Siswa 2025 Lahirkan Pemimpin Koperasi Masa Hadapan	24

PERSPEKTIF

Majlis Apresiasi Program Memperkasa Digitalisasi Sektor Koperasi (CODE)	26
Bicara CEO: Mengukir Kejayaan Koperasi- Patah Sayap Bertongkat Paruh	28
Bengkel Pelan Strategik KOPERA: Inisiatif Strategik ke arah Pendapatan Mapan	30
Amalan Environmental, Social and Governance (ESG) Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad	31
Potensi Bisnes Kafe kepada Koperasi	32
Bicara Ilmu: Revolusi AI dalam Pemasaran: Kerja Senang, Hasil Power	34

Bengkel Lanjutan E-Invois Koperasi (Hands On) Program Inisiatif Pemulihan Koperasi (INPAK)	36
Bengkel Eksplorasi Potensi Perniagaan Peruncitan Potensi dan Peluang Koperasi dalam Inovasi Makanan Ternakan	37
Ekosistem Ayam: Peluang Perniagaan Koperasi Kariah Masjid	39
Koperasi Menjana Ekonomi Komuniti	40
Senjata Rahsia Bisnes Runcit: Elakkan Rugi, Gandakan Untung	41

JARINGAN

Memperkukuhkan Penglibatan Graduan UMT, UNISZA & UPM Dalam Sektor Koperasi melalui Program Graduan ke Koperasi (G2K)	43
Wacana Belia: Pemacu Transformasi Keusahawanan Koperasi	44
Lawatan Penanda Aras IKMa ke Penerbit USIM	46
Lawatan Berkonsepkan Agro Coop Smart Farming di Pusat Inkubator Pertanian IKMa	48
Persidangan Koperasi Antarabangsa 2025 (ICC 2025): Belia Membentuk Masa Depan Koperasi IKMa Perkasakan Graduan Muda UKM dan USIM melalui Program Graduan ke Koperasi	50
Kursus Sijil Pengurusan Koperasi: Memperkasa Graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Inisiatif Program Graduan ke Koperasi (G2K)	52
	53

BERITA KAKITANGAN

IKMa Zon Selatan Perkukuh Hubungan Strategi bersama Kerajaan Negeri Johor	54
Program Pemantapan Modal Insan Madani 2025	55
Program Derma Darah & Ceramah Sayangi Jantung Anda	57
IKMa Melangkah ke Hadapan dengan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS)	59
67 Warga IKMa terima Penghargaan	61
Ubat Oh Ubat: Jangan Makan Sembarangan	66
Kursus Penulisan Artikel	67

GALERI

68-70



SAMBUTAN JUBLI PLATINUM

Tujuh Dekad Memperkasa Koperasi

Mohamad Fariq Adlan
fariq@ikma.edu.my
Unit Komunikasi Korporat

memegang peranan kritikal dalam membimbing dan memberikan keyakinan kepada warga koperasi agar mampu mendepani cabaran masa hadapan dengan lebih progresif.

Sebagai persediaan menuju tahun 2026, IKMa telah melancarkan

Program Jom@Coop: Jelajah Platinum 2026 yang bertemakan 'Mendidik Koperasi Menjulung Legasi'. Inisiatif ini merupakan pendekatan turun padang bertujuan untuk memahami keperluan semasa sektor koperasi dan menyediakan solusi praktikal yang berimpak tinggi. Pencapaian IKMa



Ucapan Perasmian oleh YB Timbalan Menteri KUSKOP, Datuk Mohammad Alamin.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) kini meraikan sambutan Jubli Platinum yang menandakan tujuh dekad penglibatan berterusan dalam menerajui bidang pendidikan serta latihan bagi gerakan koperasi di Malaysia. Sejak penubuhannya pada tahun 1956, agensi di bawah naungan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) ini telah memikul mandat besar dalam membina modal insan yang berintegriti, kompeten, dan profesional melalui inisiatif penyelidikan serta khidmat nasihat yang konsisten.

Menurut Timbalan Menteri KUSKOP, YB Datuk Mohamad Alamin, IKMa



YB Timbalan Menteri KUSKOP bergambar kenangan di Perpustakaan Tan Sri Noh Omar.



YB Timbalan Menteri turut merasmikan Majlis Peluncuran Program Pengajian Doctor of Business Administration dan Master in Business Administration yang julung kali dilaksanakan secara mod Open and Distance Learning (ODL).



Penerangan tentang IKMa kepada YB Timbalan Menteri KUSKOP oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan), IKMa.



YB Datuk Mohammad Alamin menandatangani plak sebagai simbolik kunjungan hormat beliau ke IKMa.



Sesi pembentangan yang disampaikan oleh wakil daripada Koperasi Imigresen Malaysia Berhad (KOPRIMA).

dalam aspek latihan juga menunjukkan prestasi memberangsangkan dengan fakta-fakta berikut:

Pelaksanaan sebanyak 777 program latihan telah direkodkan sepanjang tahun lalu, termasuk inisiatif berimpak tinggi seperti Program Bimbingan Strategik dan Transformasi Digital (BESTARI).

Bagi tahun semasa, IKMa menyasarkan pelaksanaan kira-kira 650 program latihan khusus untuk memperkasa kemahiran ahli koperasi. Institusi ini turut berhasrat untuk mengukuhkan kedudukannya dalam kelompok 10 terbaik institut latihan awam di

peringkat nasional. Langkah proaktif diambil melalui penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) sebagai wadah untuk melahirkan generasi baharu koperator yang berdaya saing global. UKKM memfokuskan kepada pembangunan modal insan yang bukan sahaja mahir dalam pengurusan koperasi, malah mempunyai pemikiran strategik sebagai technopreneur yang inovatif.

Komitmen ini diperkukuhkan lagi dengan penyediaan dana pendidikan yang signifikan iaitu seramai 16 pelajar sulong UKKM telah diluluskan untuk menerima tajaan pendidikan bagi peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana

Muda. Nilai keseluruhan tajaan tersebut mencecah RM4.08 juta untuk tempoh pengajian selama tiga tahun. Tajaan ini merupakan kolaborasi strategik antara Biasiswa Khas Yayasan Bank Rakyat (YBR) dan Biasiswa Tabung Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPD) di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Secara keseluruhannya, ulang tahun ke-70 ini bukan sekadar satu pencapaian sejarah, tetapi merupakan titik tolak bagi IKMa untuk terus relevan dalam memartabatkan ekonomi koperasi melalui pendidikan bersepadu dan sokongan kewangan yang mampan bagi generasi akan datang.

IKMa Di Pentas Nasional:

Kejayaan Projek RKB Menjadi Sorotan Konvensyen Reformasi Perkhidmatan Awam 2025

Faiz Ahmad Yatim

faiz@ikma.edu.my
Unit Pembangunan Modal Insan & Transformasi Digital

Muhammad Azri As'ari

muhammad.azri@ikma.edu.my
Unit Pembangunan Modal Insan & Transformasi Digital



Suasana di Kompleks Perbadanan Putrajaya pada 5 hingga 7 Disember 2025 lalu cukup meriah dengan penganjuran Program Rancakkan MADANI Bersama Malaysiaku dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam (RPA) 2025. Ribuan pengunjung hadir setiap hari bagi mengikuti pameran, sesi libat urus, pelancaran dasar baharu serta pelbagai aktiviti kementerian dan agensi kerajaan. Di sebalik kemeriahan itu, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) turut menerima satu pengiktirafan yang amat bermakna apabila projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) institusi ini dipilih antara tujuh projek terbaik reformasi daripada seluruh negara.

Majlis pembukaan konvensyen ini telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha

Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa reformasi perkhidmatan awam mesti terus diperkukuh melalui sistem yang berfokuskan kecekapan, kepantasan dan kemudahan kepada rakyat. Beliau turut melancarkan beberapa inisiatif penting termasuk Pekeliling ILTIZAM, Indeks Prestasi Perkhidmatan Awam (I-PPA) serta Modul Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA), bukti komitmen kerajaan untuk memastikan transformasi perkhidmatan awam berlaku secara menyeluruh dan terancang.

Dalam konvensyen yang menghimpunkan lebih 1,800 projek RKB dari seluruh negara, hanya 368 projek siap sepenuhnya dan daripada

jumlah itu hanya tujuh sahaja dipilih sebagai projek terbaik oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). IKMa melakar sejarah tersendiri apabila projek bertajuk "Mempercepat Proses Pengurusan Program Latihan IKMa Dari 39 Hari ke-7 Hari" terpilih sebagai antara projek paling berimpak tinggi untuk dipamerkan, mewakili Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang merupakan salah satu daripada tiga kementerian terpilih pada pameran tersebut.

Projek RKB IKMa memberi tumpuan kepada pemodenan dan pendigitalan menyeluruh proses pengurusan latihan daripada permohonan, kelulusan, pembayaran dan kehadiran sehinggalah kepada penilaian serta pengeluaran sijil. Sebelum reformasi dilaksanakan,



Sesi penerangan projek RKB oleh pihak IKMa kepada pengunjung.



Barisan kakitangan yang menjayakan pameran reruai IKMa.

keseluruhan proses mengambil masa sehingga 39 hari, bergantung sepenuhnya kepada prosedur manual yang melibatkan pelbagai borang fizikal, semakan berulang serta rekod yang tidak disepadukan. Selain melambatkan proses penyertaan, kaedah ini turut menyebabkan pertindihan permohonan, risiko kesilapan serta beban pematuhan yang tinggi kepada peserta dan pihak pengurusan.

Melalui projek RKB, IKMa melaksanakan anjakan digital sepenuhnya sehingga membolehkan keseluruhan proses berlangsung hanya dalam tempoh tujuh hari sahaja. Sistem *end-to-end* yang dibangunkan membolehkan permohonan dilakukan secara dalam talian, surat tawaran dijana automatik, bayaran dibuat melalui e-bayaran, ujian pra dan ujian pasca (pre & post test) dijalankan dalam platform yang sama, manakala sijil penyertaan boleh dimuat turun serta-merta melalui e-Sijil. Pendekatan ini bukan sahaja mempercepat urusan peserta, malah meningkatkan kecekapan dalaman serta menjimatkan kos pematuhan kerajaan sehingga RM2.9 juta setiap tahun. Kejayaan digitalisasi ini turut menyumbang kepada peningkatan kepuasan pengguna melebihi 90 peratus, sekali gus mengukuhkan imej IKMa sebagai institusi latihan koperasi negara yang responsif dan moden.

Lebih membanggakan, projek RKB IKMa turut dipamerkan dalam LED Gallery Walk, satu ruang pameran eksklusif di konvensyen tersebut yang menampilkan projek-projek reformasi terbaik peringkat nasional. Melalui paparan visual interaktif, pengunjung dapat melihat dengan jelas perbandingan proses sebelum dan selepas reformasi, rangkaian proses yang telah dipermudahkan serta impak penjimatan masa dan kos yang dicapai. Pameran tersebut menarik minat pelbagai pihak termasuk kementerian, agensi latihan, penggubal dasar dan pelawat antarabangsa yang hadir bagi meninjau kejayaan transformasi sektor awam negara. Kehadiran IKMa dalam kelompok terpilih ini memperkukuh lagi reputasi IKMa sebagai model amalan terbaik dalam transformasi perkhidmatan latihan.

Kemuncak acara tiga hari ini berlangsung pada majlis penutup yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim. Dalam ucapannya, Perdana Menteri memuji penganjuran program yang berjaya menarik puluhan ribu pengunjung dan menyifatkannya sebagai bukti kesediaan kerajaan untuk mendekati rakyat melalui platform yang lebih terbuka, inklusif dan interaktif. Beliau menegaskan bahawa kejayaan program seperti ini memperlihatkan

kesungguhan kerajaan melaksanakan reformasi secara substantif, bukan sekadar di atas kertas. Reformasi perkhidmatan awam, katanya, mesti diterjemahkan dengan tindakan yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat dan projek RKB yang dipamerkan pada konvensyen ini adalah contoh terbaik bagaimana perubahan itu berlaku di lapangan.

Kejayaan projek RKB IKMa pada RPA 2025 ini bukan sekadar penghargaan, malah satu pengiktirafan nasional terhadap usaha IKMa untuk terus meningkatkan kualiti, profesionalisme dan kecekapan operasi latihan koperasi. Ia juga mencerminkan kepakaran IKMa dalam menyesuaikan diri dengan keperluan semasa melalui transformasi digital, di samping menegaskan komitmen IKMa dalam menyokong Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030 dan agenda pendigitalan sektor awam.

Dengan kejayaan ini, IKMa terus melangkah ke hadapan sebagai peneraju pembangunan modal insan koperasi negara yang lebih berdaya saing, cekap dan inovatif. Pengiktirafan di pentas nasional ini memberikan keyakinan bahawa usaha transformasi yang dijalankan adalah berada di landasan yang tepat dan akan terus menjadi pemangkin kepada kecemerlangan latihan koperasi pada masa hadapan.

IKMa Perkasa Koperasi Pertanian melalui Program Mobiliti Outbound ke Thailand

Dr. Zurita Mohd Saleh

zurita@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa



Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor merakam kenangan bersama ahli mesyuarat Cooperative Promotion Department (CPD), Thailand, selepas sesi perbincangan jaringan strategik.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah melaksanakan Program Mobiliti Outbound ke Thailand sebagai inisiatif strategik bagi memperkukuh daya saing koperasi pertanian, sekali gus menyokong pembangunan ekonomi luar bandar. Langkah ini selaras dengan peranan IKMa sebagai institusi latihan, pendidikan dan penyelidikan koperasi negara yang terus memantapkan kompetensi koperasi agar kekal relevan dan berdaya tahan seiring dengan cabaran semasa sektor pertanian global.

Usaha memperkukuh kapasiti ini turut berpaksikan kepada keperluan memahami kedudukan sebenar koperasi pertanian di Malaysia serta meninjau model kejayaan negara serantau yang lebih maju dalam bidang

ini. Sehingga tahun 2023, terdapat sebanyak 15,809 koperasi di Malaysia, dengan 3,634 koperasi atau kira-kira 23% daripadanya terlibat dalam sektor pertanian. Namun, sektor ini hanya menyumbang 2.6% daripada jumlah keseluruhan pendapatan gerakan koperasi negara yang bernilai RM64.56 bilion.

Jurang ini menunjukkan potensi besar untuk diperkasakan, dan justeru itu, pengalaman Thailand dalam membangunkan gerakan koperasi pertanian yang mampan wajar dijadikan rujukan strategik bagi memperkukuh model koperasi pertanian di Malaysia. Sehubungan dengan itu, Thailand sering dirujuk sebagai antara negara yang berjaya membangunkan ekosistem

koperasi pertanian yang mampan dan bersepadu. Kejayaan ini turut dipacu oleh dua buah institusi utama yang saling melengkapi, iaitu Cooperative Promotion Department (CPD) dan Cooperative League of Thailand (CLT). CPD berperanan memperkukuh dasar, tadbir urus dan pembangunan kapasiti koperasi di bawah Kementerian Pertanian dan Koperasi Thailand, manakala CLT berfungsi sebagai badan puncak yang menyelaras serta mewakili semua sektor koperasi di peringkat nasional.

Sinergi antara kedua-dua institusi ini telah memperkukuh penglibatan koperasi dalam rantai pengeluaran, pemasaran dan inovasi pertanian, menjadikan Thailand contoh rujukan



Delegasi Malaysia bersama Pengerusi CLT, Mr. Poramate Intarachumnum, di premis Cooperative League of Thailand (CLT).

Perbincangan dua hala antara delegasi Malaysia dan Thailand memberi tumpuan kepada empat bidang utama, iaitu pengukuhan kerjasama dalam sektor pertanian dan perikanan, pembangunan modul latihan bersama, pembentukan rantai bekalan halal, serta perkongsian teknologi dan kepakaran serantau. Melalui sesi tersebut, kedua-dua pihak berjaya mewujudkan persefahaman awal ke arah memperkukuh hubungan strategik antara gerakan koperasi Malaysia dan Thailand.

Sebagai susulan, kedua-dua pihak kini dalam proses memuktamadkan dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) dan Surat Hasrat (LoI) yang akan menjadi asas pelaksanaan program kerjasama pada masa hadapan. Kerjasama ini dijangka dapat memperkukuh perkongsian ilmu dan inovasi, mempertingkatkan tadbir urus, serta memperluas sumbangan koperasi pertanian terhadap agenda keselamatan makanan dan pembangunan mampan.

Melalui jalinan strategik antara IKMa, CPD dan CLT, peluang baharu dapat diwujudkan untuk memperkasa koperasi pertanian dan menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi yang lebih inklusif dan lestari di rantau ini.

serantau dalam perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik.

Bagi merealisasikan hasrat memperkukuh model koperasi pertanian Malaysia melalui rujukan strategik kepada Thailand, satu lawatan kerja telah diadakan pada 8 hingga 9 Oktober 2025. Lawatan ini melibatkan penyertaan wakil daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), dan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM). Delegasi Malaysia diketuai oleh YBhg. Datuk Mohd Ali

Mansor, Ketua Pengarah IKMa, bersama Puan Noor Azlin Adnan (KUSKOP), Puan Hamidah Mohd Jos (IKMa), Dr. Zurita Mohd Saleh (IKMa), Puan Melor Mod Zin (SKM) dan Prof. Dr. Mohd Haizam Mohd Saudi (UKKM). Di pihak Thailand, wakil daripada Cooperative Promotion Department (CPD) diketuai oleh Ms. Pranom Janmai, Cooperative Technical Officer (Expert Level) merangkap Acting Executive Advisor on Cooperative Development, manakala Cooperative League of Thailand (CLT) pula diwakili oleh pengerusinya, Mr. Poramate Intarachumnum.



Sesi perbincangan dipengerusikan oleh Ms. Pranom Janmai daripada Cooperative Promotion Department (CPD), Thailand.



Delegasi Malaysia bergambar bersama Ms. Pranom Janmai, Cooperative Technical Officer (Expert Level) merangkap Acting Executive Advisor on Cooperative Development, di hadapan pejabat rasmi Cooperative Promotion Department (CPD), Thailand.

IKMa Kukuhkan Peranan Koperasi di Perak melalui JOM@COOP 2025

Nor Fatimah Yahya

norfatimah@ikma.edu.my

IKMa Zon Tengah (Cawangan Ipoh)



Barisan penerima sumbangan bakul makanan bersama barisan VIP.

Program Promosi Turun Padang ke Arah Memperkasakan Koperasi (JOM@COOP 2025) telah diadakan pada 13 Jun 2025, bertempat di Cottage Inn Gerik, Perak. Program ini merupakan anjuran Institut Koperasi Malaysia Cawangan Ipoh (Zon Tengah) dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa.

Program ini mendapat sambutan hebat dari koperasi, koperator dan usahawan di sekitar dan berdekatan daerah Gerik, Perak iaitu seramai 80 orang dan majoriti

ialah anggota koperasi yang telah hadir. Penganjuran program JOM@COOP merupakan salah satu aktiviti tahunan yang dijalankan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bagi meningkatkan kefahaman konsep koperasi serta anggota dalam membangunkan ekonomi komuniti dan seterusnya memberi impak kepada negara.

Justeru, IKMa Cawangan Ipoh mengambil inisiatif menganjurkan program ini untuk mempromosikan kelebihan dan keistimewaan koperasi

serta menghebahkan perkhidmatan dan program latihan yang ditawarkan oleh IKMa dan Agensi KUSKOP.

Program ini dimulakan dengan sesi taklimat program latihan dan modal insan koperasi oleh Encik Shamsul Khairi Abu Hassan, Pengarah IKMa Zon Tengah, dan sesi kedua diteruskan dengan Encik Mohd Saiful Abidin Mohd Room dari SKM Perak. Taklimat turut disampaikan oleh wakil dari ANGKASA Perak, Encik Muhammad Ashraf Nazaruddin dan wakil daripada Koperasi Kariah Masjid



YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa dalam ucapan perasmian Program JOM@COOP 2025.

Nurussalam Gerik Berhad iaitu Encik Ahmad Hafidz Shafie untuk berkongsi ilmu perniagaan koperasi dan peranan Koperasi Kariah Masjid Nurussalam dalam aktiviti perniagaan yang dijalankan. Antara aktiviti perniagaan Koperasi Kariah Masjid Nurussalam ialah kedai runcit, bilik hotel musafir, homestay, kafe dan kiosk.

Perasmian program telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor dan semasa ucapan perasmian beliau turut menyatakan statistik koperasi di negeri Perak. Beliau memaklumkan bahawa Statistik Tahunan 2024 (sumber, SKM) Perak merupakan negeri yang ke-3 tertinggi dengan bilangan koperasi iaitu 1,757 buah koperasi dengan jumlah keanggotaan 365,078 dan secara keseluruhan statistik gerakan koperasi di Malaysia ialah 16,284 buah koperasi.

Beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah kerana ia merupakan satu penghormatan dan kejayaan kepada kita sekali gus mengimbuai sejarah di mana gerakan koperasi di Malaysia bermula

di negeri Perak dengan tertubuhnya Koperasi Pos Nasional Berhad dan Koperasi Kakitangan Telekom Berhad di negeri Perak pada 21 Julai 1922.

Program ini diserikan dengan peranan dan inisiatif melalui program 'IKMa Prihatin' yang turut memberi sumbangan CSR kepada kumpulan penerima B40 di daerah Gerik, Perak. Sumbangan ini untuk meningkatkan peranan koperasi sebagai entiti yang bukan sahaja berasaskan keuntungan, tetapi turut menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat serta menyemai semangat keprihatinan dalam kalangan anggota koperasi dan komuniti.

Secara keseluruhannya, program ini dapat membantu koperator untuk meninjau peluang serta terus meneroka peluang pekerjaan dan pasaran baharu melalui sektor selain daripada sektor yang telah diceburi dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi anggota serta menggalakkan golongan belia dalam menceburi koperasi.



Pengarah IKMa Zon Tengah memberi taklimat mengenai peranan dan inisiatif agensi dalam memperkasa koperasi.



Wakil daripada ANGKASA Perak dan Koperasi Kariah Masjid Nurussalam Gerik Berhad memberi perkongsian mengenai peranan koperasi dalam memperkasa koperasi.

JOM@COOP 2025 Melabuhkan Tirai: Koperasi Bersedia Terajui Era Digital & Hijau

Rina Fairuz Jahya

rina@ikma.edu.my
IKMa Zon Tengah



Penyampaian sijil rakan strategik IKMa.

Program turun padang Memasyarakatkan Koperasi Jom@Coop 2025 anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) melabuhkan tirainya di Putrajaya pada 17 September 2025 selepas menjelajah ke 50 lokasi seluruh negara sejak awal tahun. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kehadiran seramai 233 orang peserta termasuk warga koperasi, usahawan, belia, NGO dan komuniti setempat.

Program ini dimulakan dengan taklimat oleh Puan Noranita Mohd Nor, Pengarah IKMa Zon Tengah yang membincangkan tentang *From Knowledge to Impact: Way Forward* Latihan dan Pendidikan Koperasi 2025. Program diteruskan dengan bicara ilmu yang bertemakan "Antara Untung dan Amanah: Etika Dalam Pelaburan Koperasi".

Bicara ilmu yang disampaikan mengenai ketelusan dan akauntabiliti: etika dan due diligence dalam pelaburan koperasi oleh Puan Siti Azlin Ahmad Dauta, Naib Ketua Pegawai Eksekutif

(Dasar dan Pembangunan), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan disusuli dengan taklimat Pelaburan Koperasi: Menyeimbangkan Risiko, Pulangan dan Tadbir Urus oleh Tuan Hj Mazri Mahmood yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (KOOP SAHABAT).

Sepanjang enam bulan penganjuran, lebih 5,500 orang peserta telah memperoleh ilmu dan bimbingan secara langsung daripada IKMa, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM),

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Sesi soal jawab bersama para peserta yang hadir.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Sesi perkongsian pengalaman oleh Tuan Hj. Mazri Mahmood, CEO KOOP Sahabat Berhad.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Sesi bergambar bersama peserta program.

2025). Beliau menyifatkan koperasi bukan sekadar entiti perniagaan, tetapi gerakan sosial yang menyantuni belia, wanita, OKU dan komuniti luar bandar, selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI dan Rancangan Malaysia Ke-13. Beliau turut menekankan kepentingan transformasi melalui pendigitalan, ekonomi hijau, tadbir urus berkesan dan kepimpinan berwibawa. Di samping itu, beliau koperasi mesti diberikan ruang kerana merupakan pewaris gerakan ini dengan kelebihan teknologi, inovasi dan idea.

Selain Jom@Coop, IKMa terus memperkasa koperasi dengan lebih 650 program latihan sepanjang tahun. Melalui UKKM, IKMa turut melahirkan modal insan koperasi berpendidikan tinggi termasuk pelajar antarabangsa. Berakhirnya siri Jom@Coop 2025, namun aspirasi yang dibawa diyakini menjadi titik tolak fasa baharu pembangunan koperasi. Seperti ditegaskan YB Timbalan Menteri: "Kita melangkah keluar dengan keazaman membina koperasi lebih kuat, masyarakat lebih makmur, dan dunia lebih baik untuk generasi akan datang."

ANGKASA, Bank Rakyat, CoopBank Pertama, Koop Sahabat, Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), Koperasi Warga IKMa (KOIKMa) serta agensi-agensi KUSKOP. Semasa ucapan penutupan, YB Dato' Sri

Ramanan menyatakan Jom@Coop adalah sebahagian daripada agenda pembangunan koperasi yang digariskan dalam Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM 2021-

Seminar Penyelidikan Koperasi 2025: Memperkasa Penyelidikan, Membina Kemakmuran Koperasi

Norul Hayatie Hashim

hayatie@ikma.edu.my
Pusat Penyelidikan



Seminar Penyelidikan Koperasi 2025 telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Resort World Awana, Genting Highland, Pahang pada 3 hingga 4 Julai 2025. Seminar selama dua hari ini dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan berjaya mengumpulkan 112 orang peserta daripada pelbagai institusi dan agensi yang terlibat secara langsung dalam pembangunan gerakan koperasi di Malaysia. Seminar ini membawa tema “Memperkasa Penyelidikan, Membina Kemakmuran Koperasi”, selari dengan usaha memperkukuh koperasi bukan sahaja sebagai entiti ekonomi, tetapi juga sebagai pemacu sosial dan pembangunan masyarakat.

Antara peserta yang hadir termasuklah wakil daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), ANGKASA,

serta pensyarah dan pelajar dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Objektif utama seminar ini adalah untuk membentangkan hasil penyelidikan yang memberi manfaat kepada koperasi, menjadi medan diskusi ilmiah antara penyelidik dan penggiat koperasi, serta merangsang idea-idea baharu yang boleh diterjemahkan ke dalam dasar dan strategi koperasi yang lebih berkesan.

Sebanyak 12 kertas kerja penyelidikan dibentangkan oleh 18 orang pembentang yang terdiri daripada pegawai IKMa, pensyarah universiti dan wakil agensi. Antara topik menarik yang dikongsi termasuk kerangka ekosistem pematuhan syariah koperasi, jati diri anggota lembaga koperasi sekolah, tahap digitalisasi dan daya saing koperasi kecil dan sederhana dan tinjauan keupayaan produk koperasi sektor pemborongan dan peruncitan.



Ucapan perasmian seminar penyelidikan oleh YBhg. Baharom Embi, Anggota Lembaga Pengarah IKMa



Peserta seminar yang hadir ialah Pegawai Latihan IKMa seluruh Malaysia, pegawai-pegawai daripada agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) serta pensyarah-pensyarah universiti awam.

Para peserta seminar turut mengambil peluang untuk bertukar pandangan, berkongsi pengalaman semasa di kajian lapangan, dan membina jaringan profesional yang akan menyokong pembangunan penyelidikan koperasi secara lebih sistematik. Setiap pembentangan disusuli dengan sesi soal jawab yang membina, mencerminkan minat dan komitmen tinggi peserta terhadap usaha memajukan koperasi melalui pendekatan berasaskan data dan ilmu.

Penganjuran seminar ini diharapkan dapat memberi anjakan paradigma dalam landskap penyelidikan koperasi di Malaysia dan menyemarakkan budaya penyelidikan dalam kalangan tenaga kerja khususnya di bahagian latihan serta pembuat dasar. Hasil dapatan dan perbincangan yang telah dikongsi juga dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bukan sahaja untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan latihan kepada koperator, tetapi juga menjadi rujukan penting dalam membentuk dasar yang lebih berpandukan realiti lapangan. Akhir kata, penyelidikan yang diperkasakan, membentuk koperasi sejahtera.



Antara pembentang yang berkongsi ilmu hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Pegawai Latihan IKMa berkaitan pelbagai bidang aktiviti ekonomi dan pembangunan polisi untuk pembangunan gerakan koperasi di Malaysia.

Seminar Merevolusikan Koperasi Melalui Transformasi Digital

Adila Hashim

adila@ikma.edu.my
IKMa Zon Selatan



Dif-dif kehormat yang hadir ke Majlis Makan Malam dan Majlis Perasmian Seminar.

Perkembangan teknologi digital yang pesat kini mengubah cara organisasi beroperasi dan berinteraksi. Dalam menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0, sektor koperasi perlu menyesuaikan diri dengan perubahan ini agar kekal relevan, berdaya saing dan mampu memberi impak positif kepada anggotanya. Adaptasi terhadap teknologi bukan lagi pilihan, tetapi satu keperluan strategik untuk memperkukuh tadbir urus, meningkatkan kecekapan operasi serta memperluas peluang ekonomi koperasi dalam era digital.

Sehubungan itu, IKMa Zon Selatan telah menganjurkan seminar khas bertajuk "Merevolusi Koperasi Melalui Transformasi Digital" pada 19 hingga

20 November 2025 di Hotel New York, Johor Bahru, menghimpunkan para Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pengurus serta pemain industri digital bagi memperkukuh hala tuju koperasi ke arah adaptasi teknologi. Penganjuran seminar ini bertepatan dengan perkembangan teknologi masa kini yang semakin pesat dan menuntut organisasi untuk menyesuaikan diri agar kekal relevan serta berdaya saing dalam ekonomi moden.

Menyedari hakikat ini, objektif utama seminar adalah memberikan kesedaran kepada peserta tentang kepentingan adaptasi teknologi dalam memperkukuh daya saing koperasi. Seminar yang dihadiri seramai 164 orang ini

memberi kefahaman untuk melihat bagaimana penggunaan teknologi mampu mengubah cara koperasi beroperasi secara lebih sistematik dan profesional. Bagi memperkukuh kepimpinan digital, seminar ini juga turut memberi penekanan kepada pembentukan keupayaan pemimpin dalam memahami dan merancang pelan tindakan yang seiring dengan perubahan teknologi. Kepimpinan yang celik digital memainkan peranan utama dalam menggerakkan transformasi di peringkat organisasi, kerana perubahan yang berjaya lazimnya bermula daripada arah tuju dan sokongan pucuk pimpinan.

Seminar dua hari ini diisi dengan empat sesi pembentangan utama. Sesi pertama yang disampaikan oleh Encik Faiz Ahmad Yatim, Pengarah Unit Pembangunan Modal Insan dan Transformasi Digital, memberikan gambaran jelas tentang adaptasi teknologi dalam pengurusan dan perniagaan koperasi, manakala sesi kedua yang dikendalikan oleh Mohd Azrul bin Saiman memberi tumpuan kepada geran dan bantuan yang tersedia bagi menyokong inisiatif digital koperasi. Kedua-dua sesi ini membuka pemahaman awal yang penting bagi koperasi yang mahu memulakan langkah transformasi.

Selain pengisian ilmiah, seminar ini turut diserikan dengan Majlis Makan Malam yang bertemakan "Pesona Hijau Putih" dan majlis ini dirasmikan oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa. Beliau menegaskan komitmen IKMa dalam menyokong usaha digitalisasi koperasi seluruh negara adalah melalui program dan kursus berasaskan teknologi dan adaptasi kecerdasan buatan (AI). Peserta juga turut dihiburkan dengan persembahan multimedia yang memaparkan aktiviti IKMa Zon Selatan



Gambar kenangan dif-dif kehormat bersama para peserta.



Seminar dirasmikan oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus.



Perkongsian pengalaman bersama Tuan Haji Mazri Mahmood.



Sesi penutup bersama Encik Mokhsin Mokhtar.

serta disusuli persembahan zapin yang menambahkan lagi kemeriahan majlis. Pada hari kedua, peserta mengikuti sesi ketiga yang menampilkan perkongsian pengalaman oleh Tuan Haji Mazri Mahmood, Kumpulan CEO Koperasi Sahabat AIM Berhad. Melalui kejayaan koperasi tersebut mengintegrasikan inovasi teknologi dalam operasi harian, peserta mendapat inspirasi dan contoh praktikal yang boleh dijadikan rujukan. Sesi keempat pula membawakan

perbincangan tentang peluang dan cabaran menguasai kecerdasan buatan (AI), dikendalikan oleh Encik Mokhsin Mokhtar. Perbincangan ini memberi sudut pandang baharu tentang potensi AI dalam meningkatkan produktiviti, pemasaran dan pengurusan data koperasi.

Di samping itu, seminar ini turut menggalakkan budaya perkongsian ilmu dan pengalaman antara koperasi.

Suasana perbincangan dan jaringan profesional yang terjalin sepanjang program membantu peserta saling bertukar pandangan, sekali gus menyemai budaya inovasi dan pemikiran digital dalam kalangan warga koperasi. Perkara ini amat penting bagi memastikan perubahan yang berlaku dapat diteruskan secara konsisten dalam organisasi masing-masing.

Secara keseluruhannya, seminar “Merevolusi Koperasi Melalui Transformasi Digital” telah berjaya menjadi platform pencetus perubahan dalam pemikiran dan strategi koperasi. Melalui pengisian yang padat, pembentang berpengalaman dan penyertaan aktif para peserta, program ini memberi impak besar dalam mendorong koperasi bergerak ke arah digitalisasi. Dengan komitmen berterusan, koperasi berpotensi menjadi organisasi yang lebih proaktif, cekap dan mampan dalam menghadapi cabaran ekonomi masa depan.

KOLOKIUIM IKMa 2025

Memacu Kelangsungan Koperasi

Nur Anizah Aziz

anizah@ikma.edu.my
Pusat Penyelidikan



Antara peserta program Kolokium IKMa 2025.



Penerima Anugerah Penghargaan Pembentang Terbaik, Cik Nur Shuhada Hj. Mohd Ali.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) melalui Pusat Penyelidikan (CR) telah menganjurkan Program Kolokium IKMa 2025 yang diadakan pada 1 - 3 Disember 2025 bertempat di Swiss Garden Hotel, Melaka. Program ini merupakan program tahunan kali ke-18 yang dilaksanakan sebagai platform perkongsian dan menyebarkan maklumat serta amalan terbaik koperasi. Seramai 98 orang peserta terdiri daripada pegawai akademik, pegawai pengurusan IKMa serta pensyarah universiti telah turut serta membentangkan kajian kes dan terlibat dalam sesi perbincangan berintelektual.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah IKMa, YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, dengan kehadiran



Ucapan Perasmian oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa.

Naib Canselor Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), YBhg. Dato' Prof. Dr. Azali Mohamed serta Pengarah-Pengarah Kanan IKMa. Dalam ucapannya, YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor menekankan kepentingan memanfaatkan Kolokium ini bukan sekadar sebagai medan pendengaran, tetapi sebagai ruang untuk berfikir, bertanya dan berkongsi pandangan. Beliau menegaskan bahawa setiap idea



Rumusan keseluruhan program Kolokium telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa, Encik Mohd Zaib Mat Yunus.



Sebahagian peserta bergambar kenangan bersama Ketua Pengarah IKMa.

dan pengalaman yang dibentangkan merupakan peluang untuk para pegawai meningkatkan ilmu serta memperkukuh kemahiran sedia ada.

Sebanyak 21 perkongsian kajian kes kejayaan koperasi telah dibentangkan oleh Pegawai Latihan IKMa serta Pensyarah Universiti dan Kolej MARA. Kajian kes yang dibentangkan memberi gambaran bahawa kejayaan dan kelangsungan sesebuah koperasi dipacu oleh empat elemen iaitu tadbir urus, inovasi dan diversifikasi, komuniti dan impak sosial, serta kelestarian dan

perancangan legasi. Pengetahuan yang dihasilkan daripada kajian kes ini boleh dijadikan contoh kepada koperasi lain dalam memacu kelangsungan koperasi yang berdaya saing.

Secara keseluruhannya, program Kolokium ini telah berlangsung dengan jayanya dan mendapat komitmen yang baik daripada semua peserta. Melalui penganjuran Kolokium ini juga telah memberi motivasi dan galakan kepada para Pegawai Latihan IKMa untuk menjalankan kajian kes dan seterusnya memberikan sumbangan kepada gerakan koperasi di Malaysia.



Peserta yang hadir sedang khusyuk mendengar sesi perkongsian.

PROJEK REFORMASI KERENAH BIROKRASI (RKB) IKMa: Meningkatkan Kebolehcapaian Latihan IKMa Melalui Portal Pemasaran Digital

Faiz Ahmad Yatim

faiz@ikma.edu.my

Unit Pembangunan Modal Insan & Transformasi Digital

Muhammad Azri As'ari

muhammad.azri@ikma.edu.my

Unit Pembangunan Modal Insan & Transformasi Digital



Encik Haris selaku pegawai daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menyampaikan taklimat dan panduan kaedah pelaporan projek RKB kepada pegawai-pegawai KUSKOP serta agensi terlibat.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) terus memperkukuh peranannya sebagai peneraju latihan gerakan koperasi melalui pembangunan sebuah Portal Pemasaran Digital baharu yang bakal mentransformasikan cara program latihan IKMa dipromosikan, didaftarkan dan diuruskan. Inisiatif ini lahir daripada keperluan mendesak untuk mengatasi kekangan proses manual yang diamalkan sejak sekian lama. Kebergantungan kepada poster PDF, hebahan sosial yang bertaburan dan borang Google Form berasingan menyebabkan maklumat kursus sukar

dicapai dengan cepat, manakala urus setia terpaksa menanggung beban pemprosesan rekod secara berulang. Dengan jumlah program latihan tahunan yang mencecah 600 hingga 800 kursus, keadaan ini boleh menjejaskan pengalaman peserta serta keberkesanan penyampaian latihan secara keseluruhan.

Sehubungan itu, IKMa telah mencadangkan sebuah penyelesaian digital berskala penuh melalui Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) bertajuk "Meningkatkan Kebolehcapaian

Program Latihan IKMa melalui Portal Pemasaran Digital". Portal ini dirangka sebagai platform sehenti untuk memudahkan peserta membuat carian kursus, mendaftar secara sertamerta, membuat pembayaran dalam talian, menerima notifikasi automatik dan mendapatkan rekod penyertaan dengan lebih teratur. Dengan integrasi analitik pemasaran masa nyata, portal ini turut membolehkan IKMa menilai keberkesanan hebahan serta merangka strategi promosi berdasarkan data peserta yang lebih tepat.



Ketua bersama ahli kumpulan Projek RKB IKMa sedang bekerjasama menyiapkan pelaporan dan slaid pembentangan sebagai persediaan untuk sesi pembentangan dalam bengkel.

Pembangunan projek ini diperhalusi dengan lebih teliti semasa Bengkel Pengukuhan Pelaporan Akhir Pelaksanaan Inisiatif RKB Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi, yang berlangsung pada 20 November 2025 di Hotel Movenpick KLIA, Sepang. Bengkel ini dianjurkan oleh Bahagian Pemerkasaan dan Pemantauan Keusahawanan (BPPU), KUSKOP bersama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebagai satu platform penyelarasan antara kementerian dan agensi pelaksana bagi memastikan semua projek RKB bersedia untuk dilaksanakan pada tahun 2026. IKMa hadir membawa projek ini sebagai salah satu inisiatif digital yang signifikan dan diwakili oleh pasukan projek diketuai oleh Puan Sri Datin Sri Noraesyah Saari bersama ahli pasukan Encik Shamsuri Salleh, Encik Faiz Ahmad Yatim, Encik Mohamed Hayqal Mahmud Nor dan Encik Muhammad Azri As'ari.

Objektif bengkel tersebut turut menjadi titik penting kepada penambahbaikan kandungan projek. Antara tujuan utama bengkel ialah memastikan semua inisiatif RKB berada pada tahap penyampaian yang selaras dengan mandat Kerajaan di bawah agenda Reformasi Kerenah

Birokrasi. Bengkel ini juga bertujuan menyemak semula dokumen pelaporan, meningkatkan ketekalan data sebelum penyerahan akhir, dan memantapkan alignment antara projek agensi dengan hala tuju strategik kementerian. Dalam sesi ini, wakil KUSKOP menekankan keperluan setiap agensi untuk menyediakan justifikasi yang lebih kukuh, penambahbaikan penyelesaian serta analisis impak yang lebih terperinci supaya pelaksanaan RKB 2026 benar-benar memberi kesan langsung kepada rakyat dan pemegang taruh.

Portal pemasaran digital yang dibangunkan oleh IKMa membuktikan keselarasan itu. Data kepatuhan yang dibentangkan menunjukkan proses manual sedia ada menyebabkan pembaziran masa dan kos dianggarkan melebihi RM3.05 juta setahun, merangkumi masa peserta mencari maklumat, kesilapan rekod, kelewatan pemprosesan, dan beban urus setia yang perlu menyemak ratusan pendaftaran secara manual. Dengan adanya portal digital ini, IKMa mengunjurkan peningkatan penyertaan latihan sehingga 30% setahun, selain pengurangan besar dalam tugas pentadbiran yang tidak menambah nilai.

Pendigitalan ini turut memperkukuh imej IKMa sebagai pusat latihan koperasi yang progresif melalui penyampaian maklumat latihan yang lebih telus, pantas dan responsif.

Seluruh inisiatif ini turut selari dengan komitmen negara di bawah Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030, Pelan TransKoM 2021–2025 serta agenda pendigitalan sektor awam di bawah Malaysia MADANI. Dengan penghasilan portal yang moden, mesra pengguna dan berfungsi penuh, IKMa melangkah setapak lagi ke hadapan untuk mendukung aspirasi kerajaan dalam memperkemaskan perkhidmatan serta memudahkan rakyat.

Secara keseluruhannya, pembangunan Portal Pemasaran Digital IKMa bukan sekadar inovasi sistem, tetapi perubahan budaya kerja menuju ke arah lebih cekap, bersepadu dan berimpak tinggi. Inisiatif ini diyakini akan menjadi pemangkin kepada ekosistem latihan koperasi negara yang lebih dinamik, seterusnya mengangkat IKMa ke tahap kecemerlangan baharu dalam penyampaian latihan dan pembangunan modal insan koperasi Malaysia.

IKMa Terajui Seminar Koperasi Siswa 2025

Lahirkan Pemimpin Koperasi Masa Hadapan

Intiran a/l Harikrishnan

intiran@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



Seminar Koperasi Siswa 2025 merupakan sebuah inisiatif strategik yang dirangka bagi memperkasa peranan koperasi siswa sebagai pemangkin pembangunan keusahawanan dan kepimpinan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Program ini dianjurkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) melalui Pusat Pendidikan Tinggi IKMa dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Koperasi Siswa USIM, serta Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti Malaysia (M@KMUM). Seminar ini telah berlangsung selama dua hari,

iaitu pada 13 hingga 14 Disember 2025 (Sabtu dan Ahad) bertempat di Bangi Avenue Convention Center. Penganjuran seminar ini bertepatan dengan hasrat kerajaan dan gerakan koperasi untuk melahirkan generasi mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah berkeupayaan mengurus organisasi, berfikiran strategik serta mempunyai minda keusahawanan yang lestari.

Seminar Koperasi Siswa 2025 dirangka sebagai platform perkongsian ilmu, wacana intelektual dan latihan praktikal

bagi meningkatkan kefahaman serta kompetensi barisan kepimpinan koperasi siswa. Seminar ini juga bertujuan mewujudkan jaringan kerjasama strategik antara koperasi siswa, agensi kerajaan, institusi pendidikan dan pemain industri koperasi.

Seminar Koperasi Siswa 2025 telah dihadiri 194 orang peserta yang terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi Siswa, barisan pengurusan koperasi, pegawai penasihat koperasi, serta mahasiswa yang terlibat secara langsung atau tidak



Ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' TPr. Suki Mee.

langsung dalam pengurusan koperasi di IPT masing-masing. Program ini turut disertai oleh wakil agensi berkaitan, penceramah jemputan serta fasilitator berpengalaman dalam bidang koperasi dan keusahawanan. Majlis perasmian seminar telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Tpr. Suki Mee, Ahli Lembaga IKMa, yang menzahirkan komitmen berterusan IKMa dalam memperkasa koperasi siswa sebagai wadah latihan kepimpinan dan keusahawanan generasi muda.

Sepanjang seminar, peserta telah mengikuti pengisian yang memberi penekanan kepada tadbir urus dan undang-undang kecil koperasi, perancangan strategik serta pembangunan pelan tindakan yang berkesan. Peserta turut didedahkan kepada keusahawanan dan inovasi dalam koperasi siswa melalui penggunaan teknologi digital dan penerokaan peluang perniagaan baharu. Selain itu, forum perkongsian amalan terbaik memberi ruang kepada koperasi siswa yang berjaya

berkongsi pengalaman dan strategi pengurusan, manakala pertandingan kreatif seperti Video TikTok dan Poster berjaya meningkatkan kreativiti serta penglibatan aktif, mahasiswa dalam mempromosikan gerakan koperasi.

Secara keseluruhan, Seminar Koperasi Siswa 2025 telah mencapai objektif yang ditetapkan. Antara impak utama program ini termasuk peningkatan tahap kesedaran peserta terhadap kepentingan tadbir urus dan perancangan strategik, pengukuhan kemahiran kepimpinan dan keusahawanan, serta pemantapan jaringan kerjasama antara koperasi siswa.

Maklum balas yang diterima daripada peserta menunjukkan bahawa pengisian program adalah relevan, praktikal dan selari dengan keperluan sebenar koperasi siswa. Peserta juga menyatakan kesediaan untuk mengaplikasikan ilmu

dan kemahiran yang diperoleh dalam pengurusan koperasi masing-masing. Manakala bagi penggubal dasar dan ahli panel meja bulat, satu kata sepakat telah dicapai iaitu penubuhan Sekretariat Koperasi Siswa Malaysia.

Sebagai kesimpulan, Seminar Koperasi Siswa 2025 merupakan sebuah program yang signifikan dan berimpak tinggi dalam usaha memperkasa koperasi siswa di Malaysia. Penganjuran seminar ini bukan sahaja berjaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta, malah menyumbang kepada pembentukan generasi mahasiswa yang berdaya saing, berintegriti dan berjiwa keusahawanan.

Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan dan diperkasakan pada masa hadapan sebagai pelaburan strategik dalam pembangunan modal insan serta kelestarian gerakan koperasi negara.



Peserta Seminar Koperasi Siswa 2025 bergambar kenangan bersama tetamu kehormat.

Majlis Apresiasi

Program Memperkasakan Digitalisasi Sektor Koperasi (CODE)

Nurul Fasiah Izzati Nor Azaruddin

fasiah@ikma.edu.my

Unit Pembangunan Modal Insan & Transformasi Digital



Barisan peserta yang hadir bersama tetamu VIP.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menganjurkan Majlis Apresiasi Program Memperkasakan Digitalisasi Sektor Koperasi (CODE) pada 19 Mei 2025, bertempat di Hotel The Everly, Putrajaya. Majlis ini diadakan sebagai tanda penghargaan kepada koperasi-koperasi yang telah menunjukkan komitmen tinggi sepanjang pelaksanaan Program Memperkasakan Digitalisasi Sektor Koperasi (CODE) 2024.

Majlis yang berlangsung dengan suasana penuh gemilang ini turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, iaitu YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa yang

telah menyampaikan ucapan alu-aluan, serta YB Tuan Onn Abu Bakar, Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa yang telah merasmikan majlis. Dalam ucapan perasmian, YB Tuan Onn menyatakan harapan agar majlis ini menjadi pemangkin kepada koperasi yang lebih inovatif, moden, berdaya tahan dan berpaksikan nilai serta teknologi. Acara ini turut dimeriahkan dengan jamuan makan malam, sesi ucapan, dan tayangan video khas yang mengetengahkan kejayaan pelaksanaan Program Memperkasakan Digitalisasi Sektor Koperasi (CODE) 2024, diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan

dan cenderamata kepada para peserta program

Program Memperkasakan Digitalisasi Sektor Koperasi merupakan satu inisiatif strategik yang memberi fokus kepada empat sektor koperasi utama yang dikenal pasti berpotensi tinggi untuk dimajukan melalui teknologi digital, iaitu sektor Peruncitan, Pelancongan, Keanggotaan dan Ar-Rahnu. Melalui program ini, koperasi dibimbing untuk mengadaptasi teknologi digital dalam operasi dan pengurusan organisasi mereka bagi meningkatkan daya saing serta memperluaskan pasaran.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Peserta-peserta CODE e-COTOURISM menerima sijil penghargaan.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Peserta-peserta CODE e-COOM menerima sijil penghargaan.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Peserta-peserta CODE e-COMART menerima sijil penghargaan.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Peserta-peserta CODE e-CORAHNU menerima sijil penghargaan.

Sebanyak 40 buah koperasi yang telah menyertai perjalanan transformasi digital mereka dengan penuh dedikasi, iltizam dan keberanian, membuktikan bahawa pendigitalan merupakan pemangkin utama ke arah peningkatan produktiviti, kecekapan penyampaian perkhidmatan dan kelestarian jangka panjang koperasi di era digital.

Kejayaan ini adalah cerminan keupayaan koperasi untuk berubah dan bergerak seiring dengan arus pemodenan dan kemajuan teknologi masa kini. Program CODE bukan sekadar satu program latihan atau bimbingan bersifat teknikal. Ia merupakan satu misi kebangsaan yang mendokong aspirasi Dasar Koperasi Malaysia (DaKOM) 2030 dan

Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP) 2030, yang memberi fokus kepada pemerkasaan koperasi agar lebih bersedia menghadapi era digital secara strategik dan inklusif.

Impak daripada penganjuran majlis ini dapat dilihat melalui beberapa aspek penting. Pertama, majlis ini memberi pengiktirafan signifikan kepada koperasi yang telah melaksanakan inisiatif digital, sekali gus mendorong lebih banyak koperasi menyertai gelombang transformasi teknologi. Kedua, majlis ini turut meningkatkan motivasi dalam kalangan peserta serta menggalakkan pembentukan jaringan kerjasama strategik antara IKMa dan koperasi. Ketiga, pelaksanaan majlis ini berjaya

mempamerkan peranan dan komitmen IKMa sebagai institusi peneraju dalam memacu pendigitalan sektor koperasi.

Secara keseluruhannya, Majlis Apresiasi Program Memperkasa Digitalisasi Sektor Koperasi telah mencapai matlamatnya dengan cemerlang. Ia bukan sahaja meraikan pencapaian yang telah dilakar, tetapi juga menjadi inspirasi kepada lebih banyak koperasi untuk menyertai arus pendigitalan dalam memperkasa ekonomi komuniti. IKMa optimis bahawa usaha sebegini akan terus diperkukuh dan diperluas demi memastikan sektor koperasi kekal relevan, berdaya saing dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi negara.

Bicara CEO: Mengukir Kejayaan Koperasi- Patah Sayap Bertongkat Paruh

Jaibit Jaudin

jaibit@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah



YBhg. Datuk Basari Sarkun, Ahli Lembaga Pengarah IKMa menyampaikan ucapan perasmian.

Gerakan koperasi memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia, berfungsi sebagai platform untuk usaha kolektif dan pengagihan kekayaan. Bagi memupuk pertumbuhan berterusan dan memperkukuh sektor penting ini, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah telah mengambil langkah signifikan dengan menganjurkan program 'Bicara CEO: Mengukir Kejayaan Koperasi – Patah Sayap Bertongkat Paruh' yang julung kali diadakan khas untuk koperasi yang berada dalam kluster sederhana dan besar. Inisiatif ini menekankan komitmen IKMa untuk memupuk koperasi yang kukuh dan berdaya tahan. Pendekatan berfokus ini melihat bahawa koperasi yang lebih besar menghadapi kerumitan, peluang, dan cabaran unik yang berbeza daripada koperasi mikro dan kecil yang

memerlukan pandangan khusus dan bimbingan strategik.


Program ini telah diadakan pada 25 Jun 2025, bertempat di Sepilok Room, Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu. Pemilihan SICC, sebuah lokasi yang terkemuka dan moden, menandakan kepentingan dan tahap profesional acara tersebut, menyediakan persekitaran yang kondusif untuk perbincangan peringkat tinggi dan jalinan kerjasama dalam kalangan pemimpin koperasi. Perasmian program 'Bicara CEO' telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Basari Sarkun, Ahli Lembaga Pengarah IKMa. Kehadiran beliau bukan sahaja memberikan prestij kepada acara tersebut tetapi juga menunjukkan sokongan dan kepentingan strategik yang diletakkan pada pembangunan kepimpinan koperasi yang mantap oleh IKMa.



Tuan Haji Mazri Mahmood, CEO Kumpulan Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (KOOPSAHABAT) menyampaikan ceramah.

Objektif penganjuran program 'Bicara CEO' telah digubal dengan teliti untuk menangani aspek kritikal pengurusan dan pembangunan koperasi. Objektif ini bertujuan untuk menyediakan peserta dengan pengetahuan dan inspirasi yang tidak ternilai, membimbing mereka ke arah kejayaan yang mampan seperti berikut:

- Mendengar secara langsung pengalaman sebenar dalam menguruskan koperasi besar.
- Memahami cabaran dan peluang dalam sektor koperasi daripada perspektif kepimpinan tertinggi.
- Mengenal pasti faktor kejayaan kritikal (critical success factors) dalam mengembangkan koperasi.
- Memberi motivasi kepada anggota koperasi untuk meningkatkan prestasi organisasi masing-masing.



Pendaftaran Bicara CEO di SICC Kota Kinabalu.

Kehadiran seramai 70 orang peserta seperti yang disasarkan, yang mewakili 16 buah koperasi kluster sederhana dan besar dari seluruh negeri Sabah menunjukkan keinginan yang kuat dalam kalangan pemimpin dan anggota koperasi tersebut untuk belajar, menyesuaikan diri, dan meningkatkan keupayaan koperasi mereka. Penyertaan pemimpin-pemimpin koperasi sederhana dan besar itu telah membolehkan perbincangan yang lebih mendalam semasa program.

Asas program 'Bicara CEO' ini ialah pemilihan penceramah utama, iaitu Tuan Haji Mazri Mahmood, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan, Koperasi Sahabat AIM Malaysia Berhad (Koop Sahabat). Peranan Tuan Haji Mazri Mahmood sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan membayangkan pengalaman luas beliau dalam

memimpin entiti koperasi yang besar dan berjaya. Pandangan beliau pasti sangat berharga, menawarkan strategi praktikal dan berkongsi perjalanan Koop Sahabat dalam mengemudi

selok belok landskap koperasi. Tajuk program, 'Patah Sayap Bertongkat Paruh', dengan indah merangkumi semangat ketabahan dan keazaman yang kritikal untuk kejayaan koperasi. Ia melambangkan gagasan bahawa walaupun berdepan dengan halangan atau batasan yang signifikan, seseorang harus mencari cara alternatif, selalunya melalui kegigihan dan kebijaksanaan untuk meneruskan perjalanan ke arah mencapai matlamat.

Kesimpulannya, program 'Bicara CEO' yang dianjurkan oleh IKMa Zon Sabah merupakan satu langkah penting dalam memperkukuh sektor koperasi Malaysia. Dengan menyasarkan secara khusus kepada koperasi kluster sederhana dan besar dapat menyediakan akses kepada kepimpinan yang berpengalaman dan pandangan praktikal serta motivasi. Program ini bertujuan untuk melengkapkan peserta dengan persiapan yang diperlukan untuk 'mengukir kejayaan koperasi' walaupun berdepan dengan kesukaran. Inisiatif penganjuran Bicara CEO ini penting untuk memupuk ekosistem koperasi yang berdaya hidup, berdaya tahan, dan berimpak besar yang menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan ekonomi dan sosial negara.



Salah seorang peserta sedang bertanya soalan kepada penceramah.

Bengkel Pelan Strategik KOPERA: Inisiatif Strategik ke arah Pendapatan Mapan

Nazirah Baharudin

nazirah@ikma.edu.my
Pusat Perundingan Koperasi



Pembangunan Pelan Strategik oleh peserta bengkel.



Pengisian templat Pelan Strategik peserta program.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) terus komited dalam memperkukuh penyebaran ilmu pengetahuan kepada gerakan koperasi melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif. Antara usaha utama ialah penganjuran program Miricle Big di bawah Pusat Perundingan Koperasi (PRK), yang bertujuan membantu koperasi melonjakkan pendapatan menerusi bimbingan strategik dan terancang.

Sebagai kesinambungan daripada Bengkel Pelan Strategik Fasa 1 yang diadakan di IKMa, bengkel susulan telah dilaksanakan pada 10 hingga 12 Jun 2025 di Sabayu Sisek Chalet, Tanjung Resang, Mersing. Bengkel

kali ini memberi tumpuan kepada pembangunan Pelan Strategik KOPERA 2026–2035, dengan penglibatan menyeluruh barisan kepimpinan koperasi. Antara yang hadir termasuk pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, bendahari, lapan orang anggota lembaga koperasi, seorang wakil Jawatankuasa Audit Dalaman, serta pengurusan yang terdiri daripada pengurus, pegawai kewangan, pegawai operasi, pengurus stesen minyak, dan pengurus hotel.

Bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan program, tiga orang pegawai daripada PRK iaitu Pengarah

Pusat, Puan Roziah Mohamed, bersama dua orang Pegawai Latihan, Encik Mohd Fitri Ab Rahman dan Puan Nazirah Baharudin turut hadir untuk memberikan bimbingan kepada para peserta.

Secara keseluruhan, bengkel ini berjaya mencapai objektif yang digariskan, malah menerima maklum balas positif daripada pihak koperasi. Hasil daripada penganjuran ini diharapkan dapat menjadi titik tolak kepada pengurusan koperasi yang lebih sistematik, mampan, dan berdaya saing ke arah melonjakkan pendapatan gerakan koperasi pada masa hadapan.

Amalan Environmental, Social and Governance (ESG)

Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad

Mohanad Haniff Mohamad Hashim
haniff@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan

Program bicara ilmu anjuran Pusat Pengurusan Perniagaan bertajuk “Amalan Environmental, Social and Governance (ESG) dalam Perniagaan” telah berlangsung pada 24 Jun 2025 dan dijalankan secara dalam talian menggunakan Zoom Meeting. Program yang dijalankan separuh hari ini telah dihadiri lebih kurang 175 orang peserta terdiri dalam kalangan anggota lembaga koperasi, kakitangan koperasi, anggota koperasi dan individu yang berminat. Program ini merupakan salah satu inisiatif Institut Koperasi Malaysia (IKMa) untuk menggalakkan koperasi menerapkan amalan ESG dalam perniagaan koperasi. Ia merupakan siri kedua bicara ilmu berkaitan ESG yang dilaksanakan oleh Pusat Pengurusan Perniagaan pada tahun ini.

Objektif utama program ialah memberi kefahaman tentang konsep dan kepentingan ESG dalam perniagaan, mengenal pasti amalan terbaik dalam ESG yang sesuai dalam perniagaan koperasi dan mempelajari integrasi prinsip ESG dalam perniagaan koperasi. Kursus ini memberi penekanan berkaitan pemahaman mengenai prinsip ESG dan bagaimana ia dapat diterapkan dalam perniagaan koperasi di Malaysia. Masyarakat kini lebih perhatian terhadap isu-isu persekitaran, sosial

dan tadbir urus menyebabkan koperasi perlu memahami dan mengintegrasikan prinsip ESG dalam perniagaannya. Pada kali ini, penceramah jemputan merupakan Pengurus Besar Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Berhad iaitu Encik Saidal Udin.


Program ini melibatkan tiga sesi iaitu sesi pengenalan, aspek ESG dalam perniagaan dan perkongsian pengalaman koperasi apabila menjalankan ESG dalam perniagaannya. Taklimat tersebut menyentuh perkara berkaitan definisi ESG dan amalan ESG yang diterapkan dalam koperasi. Selain itu, penceramah juga menyentuh kepentingan dan adaptasi ESG dalam koperasi pada masa hadapan. Penekanan diberikan tentang bagaimana koperasi melaksanakan ESG dalam perniagaannya dan manfaatnya kepada gerakan koperasi. Peserta juga menunjukkan minat yang mendalam untuk membuat lawatan bagi mendapatkan pengalaman secara langsung berkaitan aktiviti dan aplikasi ESG di koperasi. Program yang telah berlangsung ini diharap dapat memberi gambaran akan bagaimana memahami dengan lebih mendalam perkara berkaitan ESG dan pelaksanaannya dalam perniagaan yang dijalankan koperasi.



Encik Saidal memberi penerangan berkaitan aplikasi ESG di koperasinya.



Manfaat menerapkan elemen ESG di koperasi.



Kepentingan menjalankan ESG di koperasi.



Penceramah memberi penerangan berkaitan definisi ESG.

Potensi Bisnes Kafe kepada Koperasi

Hasrin Abu Hassan

hasrin@ikma.edu.my

Pusat Pengurusan Perniagaan



Taklimat sedang disampaikan oleh Encik Zahari kepada peserta kursus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menyatakan trend permintaan untuk orang ramai makan di luar kian meningkat. Ini kerana perbelanjaan isi rumah untuk kategori Restoran & Hotel meningkat kepada 16.1% pada tahun 2022. Keadaan ini menandakan berlaku kecenderungan yang kuat untuk penduduk Malaysia berbelanja untuk perkara tersebut. DOSM juga menganggarkan pertumbuhan sebanyak 6.2% pada tahun ini untuk sektor berkaitan hotel dan restoran. Ini memberi isyarat bahawa terdapat permintaan yang tinggi untuk industri

makanan dan minuman termasuklah perniagaan kafe. Sebagai tambahan, World Coffee Portal juga meramalkan pasaran bagi menjalankan kafe berjenama di Malaysia mencecah 6,100 cawangan menjelang 2028. Ini mencerminkan pengembangan rantaian dan minat pengguna yang kukuh terhadap segmen perniagaan ini.

Maklumat ini menggambarkan peluang yang boleh diambil oleh mana-mana pihak untuk menceburi perniagaan kafe termasuklah gerakan koperasi. Sehubungan dengan itu, pada 11-



Peserta kursus sedang mendengar taklimat.



Para peserta kursus Potensi Bisnes Kafe, 11-12 Ogos 2025 di Institut Koperasi Malaysia, Petaling Jaya, Selangor.



Peralatan yang terdapat di A&J Burger Grill and Western.

Burger Grill and Western, milik Encik Johar Jaafar, untuk melihat secara langsung operasi sebenar sebuah perniagaan kafe. Encik Johar telah berkongsi pengalaman dan pengetahuan beliau serta membawa peserta meninjau beberapa bahagian seperti ruang dapur, tempat penyimpanan barang dan peralatan, serta susun atur ruang makan pelanggan. Ini sedikit sebanyak memberi idea baharu dan inspirasi kepada peserta kursus bagi memulakan perniagaan kafe.

Pelbagai pertanyaan daripada peserta semasa sesi akhir kursus ini menggambarkan maklum balas yang positif tentang kursus yang dianjurkan kali ini. Kursus ini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta, malah menyuntik semangat kepada IKMa untuk terus memperkasa gerakan koperasi melalui program pembangunan ilmu dan kemahiran keusahawanan pada masa akan datang.

12 Ogos 2025, Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP) telah menganjurkan kursus Potensi Perniagaan Kafe di Institut Koperasi Malaysia, Petaling Jaya. Ini sebahagian usaha untuk memberi gambaran awal kepada koperasi tentang perniagaan ini. Pihak PPP telah menjemput Encik Mohd Zahari Ab Ghani yang merupakan seorang Perunding Latihan bagi usahawan yang menceburi bidang perniagaan kafe.

Beliau juga pernah telah memberi khidmat nasihat dan bimbingan di Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan HRD Corporation. Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk

memberi pendedahan kepada peserta tentang potensi perniagaan kafe yang kian mendapat sambutan di negara ini. Peserta juga didedahkan dengan pengetahuan pengurusan kafe seperti pemasaran, kewangan, pengoperasian dan hal-hal berkenaan kebersihan, dan sanitasi. Malah, Pengarah Jabatan Pelesenan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Puan Hajah Sharinaz Haji Samsudin turut sudi menyampaikan ceramah berkenaan topik pelesenan.

Seramai 27 orang peserta yang mewakili pelbagai koperasi telah menghadiri kursus ini. Menariknya, peserta turut berpeluang melawat ke premis A&J



Bicara Ilmu: Revolusi AI dalam Pemasaran: Kerja Senang, Hasil Power

Mohamad Haniff Mohamad Hashim

haniff@ikma.edu.my

Pusat Pengurusan Perniagaan

Dunia pemasaran kini berubah dengan begitu pantas dan teknologi kecerdasan buatan (AI) menjadi faktor utama dalam transformasi tersebut. Mengambil maklum akan perubahan ini, IKMa telah menganjurkan Program Bicara Ilmu: Revolusi AI dalam Pemasaran – Kerja Senang, Hasil Power pada 9 Oktober 2025 secara dalam talian melalui aplikasi Zoom. Program ini telah disertai oleh 200 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk Ahli Lembaga Koperasi, anggota koperasi, pegawai IKMa serta individu yang berminat.



Penyertaan yang memberangsangkan ini jelas membuktikan komitmen tinggi peserta terhadap penguasaan strategi pemasaran era baharu. Program tersebut telah dirasmikan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan.

Sesi pertama menampilkan Puan Kong Wai Theng, Pengarah NICE Pharmacy, berkongsi maklumat menarik dengan menerangkan dan membuat demonstrasi cara menggunakan aplikasi AI. Antara perkara menarik yang dikongsi ialah Teknik menulis prompt AI yang memerlukan beberapa maklumat seperti arahan pelaksanaan sebelum

dilaksanakan. Sebagai pengguna, kita perlu maklumkan siapa target audience, menggunakan bahasa dan intonasi sesuai dalam penulisan. Itu adalah antara tunjuk ajar penceramah dalam sesi ini. Oleh itu, penting bagi individu masa kini terutama koperator untuk mengetahui dan memahami tools dan prompt yang betul untuk menghasilkan pemasaran yang lebih tepat dan berkesan.

Program diteruskan dengan sesi kedua oleh Tuan Nor Adzman Nali dari AI-Falah Resources. Beliau membentangkan topik Konten Pemasaran dan Teknik Close Sale, yang diambil daripada modul pembentangan

khas beliau, Strategi Konten dan Pemasaran Digital. Penggunaan kaedah Penceritaan (Storytelling) disarankan kerana empat sebab utama. Ia membina hubungan emosi, meningkatkan memori dan daya ingatan, menghantar naratif secara berkesan, dan membina penjenamaan peribadi serta keunikan.

Selain itu, antara penekanan yang diberikan dalam taklimat adalah berkaitan bagaimana Membina Ayat Jualan Berkesan Emosi. Ia memainkan peranan penting dalam konten iklan. Emosi yang boleh dimasukkan termasuk kegembiraan, elemen urgency, simpati, rasa ingin memiliki, menghilangkan rasa malu, dan rasa bangga.

Ayat jualan disarankan dibina menggunakan **Format AIDA:**



**Attract
(Tarik)**

Perhatian prospek dengan tajuk utama dan USP yang unik




**Interest
(Minat)**

Ditingkatkan dengan menghuraikan manfaat dan kelebihan produk



**Desire
(Keinginan)**

Diwujudkan dengan memasukkan elemen *fear of loss*, seperti tawaran, stok atau tempoh masa yang terhad



**Action
(Tindakan)**

Diberikan dengan insentif dan arahan jelas untuk bertindak (contoh: tempah sekarang, sila komen, berikan link WhatsApp). Media visual yang digunakan mestilah menarik perhatian; gambar perlu terang dan berkualiti, manakala video harus pendek (1-3 minit) dengan suara jelas dan kehadiran manusia.

Kesimpulannya, program ini membantu koperasi untuk menambah baik aktiviti pemasaran dan kaedah close sale yang diamalkan. Melalui tunjuk ajar yang diberikan, diharap koperator akan dapat meningkatkan kaedah dan kemahiran untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka sekali gus melonjakkan jualan dan keuntungan mereka pada kemudian hari.



Penceramah sesi pertama, Puan Kong Wai Theng.



Tuan Nor Adzman memulakan taklimat sesi kedua.

Bengkel Lanjutan E-Invois Koperasi (Hands On)

Maryam Hamidah Mohd Ghazi

maryam.hamidah@ikma.edu.my
IKMa Zon Timur



@Institut Koperasi Malaysia · 3h ago

Para peserta fokus mendengar taklimat yang disampaikan.



Home



Discover



(+)



Inbox



1234

123

12



Me

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Pegawai Khidmat Pelanggan LHDNM membantu koperator menyelesaikan masalah berkaitan sistem E-Invois.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Encik Mohamad Muslih menyampaikan taklimat beliau.

Pada 10 Julai 2025, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Pahang dengan kerjasama Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur telah menganjurkan Bengkel Lanjutan E-Invois Koperasi (Hands On) melibatkan koperator di negeri Pahang yang sebelum ini menghadiri program JOM@COOP di Kuantan, Temerloh dan Jerantut. Penganjuran bengkel ini dibuat susulan permintaan tinggi daripada peserta yang ingin mendalami penggunaan e-invois secara praktikal.

Bengkel berlangsung di Bilik Kuliah Akasia, IKMa Zon Timur, Kuantan dan berjaya menghimpunkan hampir 60 orang koperator dari Pahang dan Terengganu. Program bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang.

Objektif utama bengkel adalah untuk memberikan pemahaman jelas mengenai proses merekodkan, menyediakan dan mengurus invois koperasi melalui Portal MyInvois. Peserta turut didedahkan kepada struktur, tatacara dan langkah-langkah penggunaan portal tersebut supaya mereka dapat melaksanakan urusan e-invois dengan lebih sistematik dan berkesan. Sesi pembelajaran telah disampaikan oleh Encik Mohamad Muslih Aling, Eksekutif Hasil, Unit Pendidikan Cukai LHDNM Pahang. Selain itu, LHDNM Pahang turut membuka kaunter khidmat pelanggan bagi membantu koperator mendapatkan penjelasan atau menyelesaikan isu berkaitan cukai koperasi.

IKMa Zon Timur amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan LHDNM Pahang dalam memastikan keperluan latihan dan pendidikan gerakan koperasi dipenuhi dengan baik. Penganjuran bengkel lanjutan ini juga bertepatan dengan pelaksanaan e-invois secara berperingkat dan mandatori bagi semua perniagaan bermula Januari 2026.

Diharapkan bengkel ini dapat meningkatkan kecekapan pengurusan serta melancarkan operasi perniagaan koperasi, seterusnya membantu meningkatkan tahap pematuhan cukai dalam kalangan koperasi.

 Institut Koperasi Malaysia · Follow :

Program Inisiatif Pemulihan Koperasi (INPAK)

Bengkel Eksplorasi Potensi Perniagaan Peruncitan

Maryam Hamidah Mohd Ghazi

maryam.hamidah@ikma.edu.my
IKMa Zon Timur

Pada 9 dan 10 November 2025, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur dengan kerjasama Sektor Keberhasilan, Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan IKMa Petaling Jaya telah mengadakan Bengkel Eksplorasi Potensi Perniagaan Peruncitan selama 2 hari. Bengkel ini merupakan salah satu program yang telah dirancang bagi Koperasi Mutiara Pekan Berhad di mana koperasi ini menyertai Program Inisiatif Pemulihan Koperasi (INPAK) oleh Pusat Pembangunan Koperasi, IKMa Petaling Jaya.

Bengkel ini telah disertai oleh anggota lembaga koperasi seramai 10 orang. Tenaga pengajar untuk bengkel ini adalah "Subject Matter Expert" (SME) Coach Noor Azizi bin Omar. Pegawai lain yang turut terlibat di dalam bengkel ini adalah Timbalan Pengarah, IKMa Zon Timur iaitu Puan Maryam Hamidah Mohd Ghazi selaku penyelaras KOP INPAK bagi Koperasi Mutiara Pekan Berhad dan Pegawai Latihan Kanan, Sektor Keberhasilan, Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan (BKP) IKMa Petaling Jaya, Puan Noor Shafeeza Zainuddin.

Objektif bengkel ini adalah untuk membantu koperasi membangunkan rancangan perniagaan bagi penjaan pendapatan melalui aktiviti peruncitan. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk membolehkan koperasi menyediakan pembentangan projek yang dicadangkan bagi penjaan pendapatan. Peserta-peserta bengkel juga diberi peluang berkongsi pandangan dan cadangan untuk memulakan aktiviti perniagaan koperasi berdasarkan kekuatan dan kelemahan koperasi setelah analisis secara keseluruhan kepada koperasi dilaksanakan.

Hasil daripada bengkel ini adalah diharapkan agar peserta daripada koperasi ini dapat menggunakan ilmu yang telah dipelajari untuk diaplikasikan pada masa akan datang bagi perniagaan peruncitan yang telah dirancang. Selain itu, aktiviti perniagaan koperasi juga diharapkan dapat berkembang semula selaras dengan tujuan program INPAK dilaksanakan iaitu untuk memulihkan koperasi yang berpotensi supaya kembali aktif dan mewujudkan sistem pengurusan yang betul selaras dengan



ALK Koperasi Mutiara Pekan Berhad selaku peserta bengkel bergambar bersama Coach Noor Azizi Omar.



Tapak cadangan aktiviti perniagaan peruncitan Koperasi RK MART.



Sesi pembentangan rancangan perniagaan peruncitan koperasi.

perniagaan sedia ada atau yang baru. IKMa Zon Timur sangat berbesar hati dapat memenuhi tanggungjawab untuk membantu aktiviti perniagaan koperasi bagi meningkatkan pendapatan koperasi.



Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Haji Ismail, Timbalan Menteri Industri Makanan Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (Industri Makanan).



Sesi penyampaian cenderahati kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Haji Ismail.

Potensi dan Peluang Koperasi Dalam Inovasi Makanan Ternakan

Nur Fatin Shazwani Ahmad

nurfatinshazwani@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



Sesi gambar kenangan bersama sebahagian para peserta program yang hadir.

program anjuran IKMa Zon Sarawak kali ini.

Penganjuran program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada anggota koperasi, penternak dan usahawan komuniti tentang potensi dan peluang dalam bidang pemprosesan makanan ternakan secara inovatif. Program ini menampilkan dua sesi perkongsian ilmu yang dikendalikan oleh wakil daripada Koperasi Labak Tungan Serian Berhad dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak, Kampus Mukah.

Program bermula seawal jam 9.00 pagi dimulakan dengan sesi perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman oleh Encik Suimi Anak Slimin, Pengerusi Koperasi Labak Tungan Serian Berhad dalam slot Bicara Ilmu bertajuk "Feedpreneur Koperasi: Potensi dan Penglibatan Koperasi Dalam Industri Makanan Ternakan". Sesi perkongsian selama satu jam ini turut disertai sesi

interaktif soal jawab bersama para peserta.

Sesi perkongsian maklumat seterusnya adalah daripada Pensyarah UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, Puan Ros Anizah Mi'ad yang juga merupakan pemain industri yang terlibat dalam industri inovasi makanan ternakan. Beliau telah berkongsi pengalaman bertajuk "Langkah Demi Langkah: Transformasi Koperasi Dalam Inovasi Makanan Ternakan" yang memberi inspirasi kepada peserta tentang strategi dan pendekatan inovatif yang boleh diterapkan oleh koperasi.

Majlis perasmian program Bicara Ilmu ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Haji Ismail, Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (Industri Makanan). Turut hadir dalam program kali ini ialah Encik Mohd Rasyid Rasid, Pengarah Kanan IKMa dan Puan Hajah Siti Maimunah Hj. Jerni, Pengarah IKMa Zon Sarawak.

Program Bicara Ilmu 2025 "Dari Sisa Jadi Selesa: Potensi dan Peluang Koperasi Dalam Inovasi Makanan Ternakan" telah diadakan pada 28 Ogos 2025 bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK). Kehadiran seramai 203 orang dalam kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), kakitangan pengurusan dan anggota koperasi dari bahagian Kuching dan kawasan sekitarnya telah memeriahkan

 Institut Koperasi Malaysia · Follow :

Ekosistem Ayam: Peluang Perniagaan Koperasi Kariah Masjid

Mohamad Suandi Hj Mortadza
msuandi@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



Para peserta merakamkan kenangan bersama penceramah program.

Seramai 30 orang peserta daripada koperasi kariah masjid dan surau sekitar Sarawak telah menghadiri Program Peluang Perniagaan Koperasi Kariah Masjid: Ekosistem Ayam pada 29 Oktober 2025 bertempat di pejabat IKMa Zon Sarawak, Kuching. Program ini dianjurkan bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai peluang perniagaan dalam ekosistem ayam. Pada masa yang sama, kursus ini turut menyampaikan maklumat berkaitan prosedur permohonan rumah sembelihan halal.

Ts. Dr. Carlina Freddie Simol, Pegawai Pertanian dari Universiti Putra Malaysia (UPM) Sarawak, telah berkongsi ilmu berkaitan Penternakan Ayam Pedaging, Penternakan Ayam Penelur dan Penetasan Anak Ayam. Sementara itu, Ustaz Wahab Sallehuddin Ling, Ketua Unit Pembangunan Halal, Jabatan Agama Islam Sarawak, telah


memberikan penerangan tentang prosedur permohonan rumah sembelihan halal.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya memberi pendedahan yang bermanfaat kepada peserta mengenai potensi perniagaan berasaskan penternakan ayam serta keperluan mematuhi prosedur halal dalam pengoperasian rumah sembelihan. Melalui perkongsian pakar daripada UPM Sarawak dan Jabatan Agama Islam Sarawak, para peserta memperoleh pengetahuan yang lebih jelas dan terarah untuk mengembangkan aktiviti ekonomi koperasi masing-masing. Program ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada penglibatan lebih aktif koperasi kariah masjid dalam sektor agromakanan serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti setempat.

 Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Ts Dr Carlina menyampaikan sijil penyertaan kepada wakil peserta.

 Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Ustaz Wahab ketika menyampaikan perkongsiannya.

 Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Para peserta tekun mendengar ceramah yang disampaikan.

Koperasi Menjana Ekonomi Komuniti

Mohamad Suandi Hj Mortadza

msuandi@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



YB Dato Sri Hajah Fatimah merakam kenangan bersama tetamu dan peserta yang hadir.



YB Dato Sri Hajah Fatimah menerima cenderamata daripada Puan Hajah Siti Maimunah.

Pada 16 November 2025, telah berlangsung program Bicara Ilmu: Memperkasa Komuniti Menerusi Koperasi – Peluang Perniagaan Penyediaan Makanan Haiwan Ternakan dengan jayanya di Kompleks Kebajikan Dalat, Mukah. Seramai 220 orang peserta telah menghadiri program tersebut. Penganjuran program ini merupakan hasil kerjasama antara IKMa Zon Sarawak dan Koperasi Edok Sibu Berhad.

Objektif utama program ini adalah untuk mendedahkan peluang perniagaan koperasi khususnya dalam bidang penyediaan makanan haiwan ternakan. Dr. Muhammad Hakim Mohd Ali Hanafiah, Pensyarah dari Universiti Putra Malaysia (UPM) Sarawak, telah menyampaikan perkongsian mengenai proses penyediaan makanan haiwan ternakan.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak merangkap ADUN N56 Dalat. Turut hadir dalam program ini ialah Puan Hajah Siti Maimunah Hj. Jerni (Pengarah IKMa Zon Sarawak), Tuan Haji Norazlan Hj. Anuar (Pengarah SKM Negeri Sarawak) serta Tuan Hj. Zaidil Arip (Pengerusi Koperasi Edok Sibu Berhad). Dalam ucapan perasmianya, YB Dato Sri menegaskan kepentingan penglibatan aktif koperasi dalam bidang perniagaan agar dapat menjana keuntungan ekonomi kepada anggota dan memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya memberi pendedahan yang jelas kepada para peserta

mengenai potensi perniagaan dalam penyediaan makanan haiwan ternakan. Melalui kerjasama strategik antara IKMa Zon Sarawak dan Koperasi Edok Sibu Berhad, peserta bukan sahaja memperoleh ilmu teknikal berkaitan proses penyediaan makanan ternakan, tetapi turut didorong untuk melihat bidang ini sebagai peluang perniagaan yang berdaya maju. Sokongan dan penegasan daripada YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah mengenai peranan koperasi dalam mengukuhkan ekonomi setempat turut memberi motivasi kepada koperasi untuk terus berkembang dan menyumbang kepada kesejahteraan komuniti. Program ini diharap menjadi pemangkin kepada penglibatan lebih aktif koperasi dalam sektor agromakanan pada masa akan datang.



Institut Koperasi Malaysia · Follow :

Senjata Rahsia Bisnes Runcit: Elakkan Rugi, Gandakan Untung

Noor Shafeeza Zainuddin

shafeeza@ikma.edu.my
Sektor Keberhasilan



Gambar kenang - kenangan peserta bersama barisan penganjur dan sekretariat IKMa.

Sektor Keberhasilan telah melaksanakan program Bicara Ilmu “Senjata Rahsia Bisnes Runcit”: Elakkan Rugi, Gandakan Untung pada 23 April 2025. Bengkel ini berlangsung di SCAPES Hotel, Genting Highland, Pahang dengan kehadiran 113 orang peserta dari 45 buah koperasi peruncitan yang terdiri daripada anggota koperasi di sekitar Lembah Klang dan Pahang. Objektif Bicara Ilmu “Senjata Rahsia Bisnes Runcit”: Elakkan Rugi, Gandakan Untung bertujuan memberi pengetahuan asas kepada koperasi akan kepentingan menguasai kemahiran

dalam pengurusan KEWANGAN dan DATA bagi pembuatan keputusan yang lebih strategik, mengurangkan risiko; serta meningkatkan daya saing serta kelangsungan perniagaan di dalam pasaran.

Panduan yang dikongsikan oleh Encik Mohd Syaiful Izwan M. Suwarno (Pakar Industri Borong dan Runcit) selaku penceramah utama di dalam Bicara Ilmu ini telah berjaya membuat peserta memahami bahawa dalam perniagaan runcit koperasi (COOP MART), kejayaan operasi harian bukan sekadar

bergantung pada barangan yang dijual atau jumlah pelanggan yang datang, sebaliknya ia bergantung kepada dua elemen penting yang perlu dikuasai oleh setiap peringkat pengurusan dan kakitangan. Pertama, kebolehan untuk mengurus tata kelola kewangan dengan baik dan kedua, keupayaan menggunakan data secara berkesan. Kedua-dua aspek ini ialah kunci utama dalam memastikan COOP MART bukan sahaja dapat beroperasi dengan lancar, tetapi juga mampu bertahan dan berkembang dalam dunia perniagaan yang penuh cabaran.



Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Encik Mohd Zaib sedang menyampaikan amanat dalam ucapan perasmian program.



Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Penceramah Utama Bicara Ilmu Pakar Industri Sektor Borong & Runcit - Coach Mohd Syaiful Izwan M. Suwarno.

Perkongsi pengalaman dua buah koperasi di bawah bimbingan bersasar Sektor Borong dan Runcit IKMa (Zero to Hero) dapat dijadikan panduan oleh semua peserta untuk melaksanakan pengembangan perniagaan runcit secara berperingkat agar mudah fokus; dan tidak terburu – buru dalam mengejar sasaran jualan yang tinggi dengan sentiasa menganalisis status kewangan dan juga pola situasi semasa. Kedua – dua panel juga turut mengulangi kata kunci yang sama iaitu "Retail is Detail" yang menunjukkan pengurusan kewangan dan pengurusan data (contoh: jualan, stok dan lain – lain) memainkan peranan yang sangat penting dalam mencorak keputusan pengurusan dan operasi perniagaan runcit yang dimiliki. Secara keseluruhannya, program yang telah dirasmikan oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) ini memenuhi keperluan gerakan koperasi dengan menawarkan pengetahuan terkini dan kemahiran yang relevan

untuk memastikan koperasi dapat melaksanakan pengurusan kewangan yang bijak; serta penggunaan data yang efektif bagi memastikan perniagaan

COOPMART lebih stabil, menguntungkan dan berkembang dalam jangka masa panjang.



Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Para peserta dari koperasi yang majoritinya menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan peruncitan.

Memperkukuh Penglibatan Graduan UMT, UNISZA & UPNM Dalam Sektor Koperasi melalui Program Graduan ke Koperasi (G2K)

Intiran a/l Harikrishnan
 intiran@ikma.edu.my
 Pusat Pendidikan Tinggi



@Institut Koperasi Malaysia · 3h ago
 Peserta program G2K UMT, UNISZA & UPNM.



Program Graduan Ke Koperasi (G2K) merupakan satu rintisan pembangunan modal insan yang dilaksanakan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bagi memperkukuh penglibatan graduan institusi pengajian tinggi dalam sektor koperasi. Program ini dirangka sebagai satu pendekatan sistematik untuk memperkenalkan koperasi sebagai platform pembangunan kerjaya, keusahawanan dan kepimpinan, selaras dengan agenda nasional ke arah kebolehpasaran graduan serta pengukuhan ekonomi berteraskan komuniti.

Seramai 50 orang pelajar tahun akhir dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah

menyertai program G2K selama 5 hari pada 22 - 26 November 2025. Program G2K dilaksanakan bagi keperluan memperkasa graduan dengan pengetahuan praktikal dan pendedahan awal kepada sektor koperasi.

Pelajar didedahkan kepada asas keusahawanan koperasi yang merangkumi pengenalan gerakan koperasi di Malaysia, undang-undang koperasi, struktur dan tadbir urus koperasi, memahami penyata kewangan koperasi, pemasaran dan inovasi perniagaan. Sesi perbincangan berfokus serta aktiviti interaktif seperti perbincangan dan pembentangan kajian kes yang menghubungkan teori dengan realiti operasi koperasi.

Penglibatan aktif pelajar sepanjang sesi perbincangan dan soal jawab menunjukkan tahap penerimaan yang positif terhadap kandungan program. Program ini juga berfungsi sebagai platform awal pembinaan jaringan profesional antara graduan, IKMa dan ekosistem koperasi.

Secara keseluruhannya, Program G2K bagi UMT, UNISZA dan UPNM merupakan satu inisiatif pembangunan graduan yang signifikan dan relevan dengan keperluan semasa. Program ini menyokong peranan IKMa sebagai peneraju pembangunan pendidikan koperasi serta menyumbang kepada usaha memperkukuh ekosistem koperasi melalui penglibatan graduan berpengetahuan dan berkemahiran.

Wacana Belia: Pemacu Transformasi Keusahawanan Koperasi

Afifah Abdul Jalal
afifah@ikma.edu.my
IKMa Zon Selatan



@Institut Koperasi Malaysia · 3h ago

Bergambar kenangan para siswa dan tetamu istimewa.



Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan dengan kerjasama Pusat Teknousahawan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) serta Koperasi Siswa UTHM Berhad (KoSISWA) telah menganjurkan Program Wacana Belia: Pemacu Transformasi Keusahawanan Koperasi pada 6 November 2025 bertempat di Big Stage, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor.

Program ini menghimpunkan seramai 266 orang siswa UTHM yang berpeluang mengikuti pelbagai sesi perkongsian ilmu, forum dan aktiviti interaktif bertemakan pembangunan koperasi belia. Objektif utama program adalah untuk memberi pendedahan

kepada peserta mengenai peranan dan potensi koperasi sebagai alternatif bidang perniagaan serta memperkukuh kefahaman terhadap konsep keusahawanan koperasi.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Onn Abu Bakar, Pengerusi Lembaga Institut Koperasi Malaysia merangkap Ahli Parlimen Batu Pahat. Dalam ucapannya, YB menekankan pentingnya koperasi menjadi platform latihan keusahawanan kepada golongan muda bagi mencipta peluang baharu dan mengurangkan kebergantungan terhadap pasaran kerja semasa.

Pengisian program dimulakan dengan sesi bertajuk “Keusahawanan Koperasi

sebagai Alternatif Kerjaya” yang disampaikan oleh Puan Adila Hashim, Timbalan Pengarah IKMa Zon Selatan. Sesi ini membuka minda peserta tentang potensi koperasi sebagai pilihan kerjaya yang mampu menjana pendapatan, memperkukuh kepimpinan dan membina tanggungjawab sosial dalam komuniti.

Seterusnya, peserta turut mendengar perkongsian pengalaman koperasi dan belia oleh Encik Mohd Hisyamudin Mohd Ali, Anggota Lembaga Koperasi Pekebun Kecil Batu Pahat Berhad. Beliau berkongsi kisah sebenar penglibatan aktif dalam gerakan koperasi yang menuntut kecekalan, disiplin dan semangat kerja berpasukan. Pengalaman ini memberi inspirasi kepada pelajar untuk melihat



Sesi pendaftaran para peserta program wacana belia.



Sesi soal jawab bersama siswa pada sesi forum.

koperasi sebagai ruang pembelajaran praktikal dalam dunia keusahawanan sebenar.

Kemuncak program adalah Forum “Belia Berkoperasi: Peluang atau Cabaran?” yang dikendalikan oleh Puan Afizah Abdul Jalal dari IKMa Zon Selatan selaku moderator. Forum ini menampilkan panel jemputan terdiri daripada Encik Yusri Hj. Tarip (Pegawai IKMa Zon Selatan), Encik Mahzan Noordin (Pegawai SKM Negeri Johor), dan Prof. Ts. Dr. Razali Hassan (Profesor Amal Ilmuan UTHM merangkap

Pengerusi Koperasi UTHM Berhad). Sesi forum berlangsung dengan suasana interaktif apabila para siswa UTHM mengajukan pelbagai soalan berkaitan peluang keusahawanan, cabaran pengurusan koperasi dan potensi koperasi sebagai model ekonomi masa depan.

Menurut Encik Yusri Hj. Tarip, kejayaan program ini mencerminkan komitmen IKMa Zon Selatan dalam memperkukuh peranan belia sebagai penerus kepimpinan koperasi pada masa

hadapan. Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan program, termasuk kehadiran Puan Hamidah Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) IKMa, yang hadir memberi sokongan kepada pasukan zon.

Program ini bukan sahaja memperluas pemahaman pelajar tentang koperasi, tetapi turut menanam semangat baharu untuk melihat koperasi sebagai medan sebenar membina kerjaya, kepimpinan dan ekonomi berasaskan nilai bersama.



Sebahagian peserta program wacana belia.



Barisan kakitangan IKMa Zon Selatan yang menjayakan program wacana belia.



Institut Koperasi Malaysia · Follow :

Lawatan Penanda Aras IKMa ke Penerbit USIM

Zaharatul Laili Zakaria

laili@ikma.edu.my

Unit Pembangunan Modal Insan & Transformasi Digital



Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah melaksanakan satu lawatan penanda aras ke Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 27 Oktober 2025 yang lalu sebagai usaha memperkukuh bidang penerbitan dan pemasaran bahan ilmiah di IKMa. Lawatan ini bertujuan membuka ruang perkongsian idea, pengalaman serta amalan terbaik bagi meningkatkan mutu penerbitan dan keupayaan penyampaian ilmu kepada masyarakat.

Delegasi IKMa diketuai oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan). Turut serta dalam lawatan ini adalah beberapa kakitangan IKMa iaitu Encik Mohd Rasydi Abd. Rashid, Encik Faiz



Delegasi merakamkan gambar kenangan di Kedai Buku Penerbit USIM.



Encik Mohd Zaib meluangkan masa melihat koleksi buku terbitan Penerbit USIM.

Ahmad Yatim, Dr. Mohd Shahron Anuar Said dan Encik Khairul Akmal Saim. Lawatan ini turut disertai oleh pegawai dari seksyen penerbitan iaitu Puan Zaharatul Laili Zakaria, Puan Sharepah Nur Azirah Shareh Abd. Rahman dan Encik Muhammad Azri As'ari.

Ketibaan delegasi disambut oleh Puan Hariza Mohd Yusof, Pengarah Penerbit USIM yang turut membentangkan taklimat mengenai peranan, tanggungjawab dan hala tuju Penerbit USIM dalam memperkasa penerbitan ilmiah universiti. Dalam sesi perbincangan, kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai strategi pemasaran bahan ilmiah, pembangunan kandungan berkualiti serta peluang

kerjasama melalui keahlian MAPIM bagi membantu memperluas capaian penerbitan IKMa. Perkongsian ini bukan sahaja memberi pendedahan kepada pegawai IKMa tentang pendekatan kerja Penerbit USIM, malah membuka peluang baharu bagi memperkukuh proses pengurusan manuskrip, penyuntingan, reka bentuk dan promosi bahan ilmiah.

Delegasi turut dibawa melawat ke kedai buku Penerbit USIM untuk melihat secara dekat koleksi buku-buku terbitan USIM yang dipasarkan di sana, sekaligus memberi gambaran jelas tentang strategi penjenamaan, susun atur dan pendekatan pemasaran yang digunakan oleh Penerbit USIM. Lawatan ini turut

menjadi platform penting bagi IKMa untuk menilai keperluan peningkatan kompetensi pegawai serta menambah baik pengurusan keseluruhan proses penerbitan supaya selaras dengan standard industri.

IKMa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penerbit USIM atas sambutan mesra dan perkongsian ilmu yang sangat bermakna. Diharapkan jalinan kerjasama strategik ini akan terus diperkukuh demi memacu kecemerlangan penerbitan ilmiah, seterusnya menyumbang kepada pembangunan pengetahuan dalam sektor koperasi dan masyarakat secara keseluruhan.





Institut Koperasi Malaysia · Follow :

Lawatan Berkonsepkan Agro Coop Smart Farming di Pusat Inkubator Pertanian IKMa

Ju Samsuddin Saffian

ju@ikma.edu.my
Pusat Inkubator Pertanian

Muhammad Asyraf Ubaidillah

asyrafubaidillah@ikma.edu.my
Pusat Inkubator Pertanian

Satu lawatan bertemakan Agro Coop Smart Farming telah diadakan pada 25 Oktober 2025 bertempat di Pusat Inkubator Pertanian, Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Lawatan ini telah diketuai oleh YBhg. Dato' TPr. Suki Mee, Pengerusi Koperasi Orang Asli Pos Bersih (KOAPB) merangkap Ahli Lembaga Pengarah IKMa.

Seramai 50 orang pelawat telah menyertai lawatan ini yang terdiri daripada anggota Koperasi Orang Asli Perak (KOAP) serta pelajar dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), khususnya pelajar dari kawasan YB Datuk Ewon Benedick. Turut hadir ialah YBrs. Carl Victor Moosom, Setiausaha Politik kepada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), serta Puan Nor Azila Md Tauhid, Pengarah Pentadbiran IKMa.

KOAP merupakan sebuah koperasi yang ditubuhkan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli di negeri Perak melalui pelbagai inisiatif perniagaan dan pembangunan kemahiran. Seiring dengan aspirasi kerajaan untuk memperkasa sektor pertanian sebagai pemacu ekonomi, KOAP memberi penekanan kepada penerapan teknologi pertanian moden



Taklimat ringkas pengenalan disampaikan oleh Encik Ju Samsuddin Saffian, Pengarah Pusat Inkubator Pertanian (IKMa) Behrang.

yang lebih produktif, mampan dan berdaya saing.

Objektif utama program lawatan ini adalah untuk:

1. Memberi kefahaman yang lebih mendalam mengenai konsep Smart Farming serta teknologi berkaitan yang digunakan di Pusat Inkubator Pertanian IKMa;
2. Meningkatkan kemahiran peserta dalam penggunaan sistem pertanian moden seperti fertigasi dan automasi tanaman;



Ucapan alu-aluan daripada YBhg. Dato' TPr. Suki Mee, Pengerusi Koperasi Orang Asli Pos Bersih (KOAPB) merangkap Ahli Lembaga Pengarah di Institut Koperasi Malaysia (IKMa).



Ucapan amanat oleh YBrs. Carl Victor Moosom, Setiausaha Politik Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).



Taklimat berkaitan Agro COOP Smart Farming yang disampaikan Noor Hashim Kamisan, Pengasas Pewaris Bumi Hijau Sdn. Bhd.



Peserta tekun mendengar taklimat yang disampaikan.

3. Mewujudkan rangka kerjasama berterusan antara KOAP dan IKMa; dan
4. Merancang pelan tindakan pembangunan projek agro yang berpotensi untuk komuniti orang asli.

Setibanya peserta di Pusat Inkubator Pertanian IKMa, mereka telah diberikan taklimat pengenalan berkaitan operasi pusat inkubator, kemudahan yang disediakan, program-program yang ditawarkan serta penerangan mengenai

projek tanaman fertigasi yang sedang dilaksanakan.

Selesai sesi taklimat, peserta dibawa melawat ke plot tanaman cili dan terung mini. Penerangan terperinci mengenai operasi plot tanaman telah disampaikan oleh Encik Norhashim Kamisan dari Pewaris Bumi Hijau (M) Sdn. Bhd., termasuk penggunaan sistem Internet of Things (IoT) bagi tujuan pembajaan dan penyemburan racun. Peserta turut diberi peluang memetik cili dan menyaksikan demonstrasi peralatan meracun yang menggunakan sepenuhnya teknologi IoT, sekali gus menarik minat dan keterujaan para peserta.

Selain itu, para peserta turut didedahkan dengan demonstrasi pembuatan produk hiliran berasaskan cili, iaitu cili kisar, yang dihasilkan menggunakan cili kering daripada tanaman Pusat Inkubator Pertanian IKMa.

Kemuncak program ialah sesi dialog bersama kakitangan Pusat Inkubator Pertanian IKMa. Pelbagai isu dan pandangan telah dikemukakan oleh para peserta, khususnya berkaitan projek fertigasi, antaranya keperluan sokongan dan bantuan kewangan, pemasaran hasil tanaman, peluang dan cabaran pelaksanaan projek fertigasi, serta bentuk bantuan dan sokongan yang boleh disediakan oleh IKMa kepada komuniti orang asli.

Secara keseluruhannya, program lawatan ini telah memberikan pelbagai manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Antara hasil yang dikenal pasti ialah keperluan untuk menyusun modul latihan lanjutan bagi ahli KOAP, mengadakan lawatan teknikal tambahan ke projek agro yang beroperasi

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Lawatan ke tapak fertigasi pusat inkubator pertanian IKMa.

secara komersial, meneliti cadangan lokasi projek rintis Smart Farming KOAP, serta membantu KOAP dalam penyediaan kertas cadangan projek bagi mendapatkan sokongan pembiayaan untuk pelaksanaan projek fertigasi pada masa hadapan.

Persidangan Koperasi Antarabangsa 2025 (ICC 2025): Belia Membentuk Masa Depan Koperasi

Mohamad Firdaus Mohd Desa

mohamadfirdaus@ikma.edu.my

Pusat Pendidikan Tinggi



Barisan penceramah dan peserta yang hadir bergambar bersama Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modan Insan) (tengah).

Persidangan Koperasi Antarabangsa 2025 (ICC 2025) yang dianjurkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berjaya menghimpunkan pemain koperasi dari dalam dan luar negara bagi membincangkan masa depan gerakan koperasi yang dipacu oleh golongan belia.

Persidangan yang berlangsung pada 29 September hingga 2 Oktober 2025 di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi ini mengangkat tema "Youth for Cooperative Future" (Belia untuk

Masa Depan Koperasi), sekali gus menekankan peranan strategik generasi muda dalam memastikan kelangsungan dan pertumbuhan koperasi di peringkat nasional dan global.

ICC 2025 dianjurkan bersempena Tahun Antarabangsa Koperasi 2025 (IYC 2025) serta Hari Koperasi Kebangsaan ASEAN 2025, di mana Malaysia memegang peranan sebagai pengerusi. Persidangan ini bukan sahaja mengiktiraf sumbangan koperasi terhadap pembangunan sosial dan ekonomi, malah membuka ruang perbincangan mengenai cabaran semasa seperti penglibatan

belia, ketidaksamaan ekonomi dan isu perubahan iklim berteraskan prinsip koperasi.

Persidangan ini turut menyokong aspirasi kerajaan melalui Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030, yang menjadikan koperasi sebagai model perniagaan pilihan dalam pembangunan sosioekonomi negara. Dasar ini memberi penekanan kepada penglibatan belia melalui pendidikan, kemahiran digital dan inovasi, selaras dengan sasaran sektor koperasi mencapai pendapatan RM73 bilion menjelang 2030.



Barisan pengurusan tertinggi IKMa bersama Co-opbank Pertama di ruang pameran.



Majlis perasmian dan gimik oleh YB Datuk Willie Anak Mongin disaksikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor.



Barisan pengurusan tertinggi IKMa di pameran KOOP Sahabat.



Suasana di sekitar Majlis Perasmian ICC 2025.

ICC 2025 turut disertai peserta antarabangsa dari negara ASEAN dan luar ASEAN termasuk Thailand, Jepun, Brunei, Indonesia, Jordan, Filipina, Arab Saudi dan India. Kehadiran pembuat dasar, pemimpin koperasi, ahli akademik dan wakil belia menjadikan persidangan ini platform penting untuk perkongsian idea, pengalaman serta pembinaan jaringan kerjasama merentas negara.

Walaupun penglibatan belia dalam koperasi masih rendah, trend peningkatan yang ditunjukkan memberi harapan kepada masa depan gerakan ini. ICC 2025 tampil sebagai satu panggilan tindakan kepada golongan muda untuk tampil sebagai pemimpin, inovator dan penggerak koperasi yang lebih mampan, inklusif dan berdaya tahan.

Dengan sokongan dasar seperti DaKoM 2030 serta penekanan kepada amalan kelestarian, ESG dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), koperasi dilihat sebagai platform strategik untuk belia membina masa depan ekonomi yang lebih adil dan makmur.

 Institut Koperasi Malaysia · Follow :

IKMA Perkasakan Graduan Muda UKM dan USIM melalui Program Graduan ke Koperasi

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi




Peserta G2K UKM dan USIM bergambar bersama pihak IKMa. Dari kiri, Puan Nur Syazwani, Dr. Mohamad Haswardi, Encik Mohamad Rasydi dan Encik Mohamad Firdaus.

Pusat Pendidikan Tinggi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengendalikan Kursus Sijil Pengurusan Koperasi dengan dihadiri 53 orang pelajar tahun akhir dari Fakulti Ekonomi & Pengurusan, UKM dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM sebagai persediaan latihan industri di koperasi terpilih. Program ini diadakan di IKMa, Petaling Jaya selama 5 hari dari 15 November sehingga 19 November 2025.

Kursus Sijil Pengurusan Koperasi ini adalah tahun keempat kerjasama antara

IKMa dan UKM dan USIM kepada pelajar tahun akhir bagi tujuan melahirkan graduan tenaga kerja/profesional dalam sektor Koperasi serta memberi nilai tambah kepada pelajar agar dapat menarik minat golongan muda untuk bersama-sama dalam gerakan koperasi.

Di akhir kursus ini, majlis penyampaian sijil telah disampaikan oleh Encik Mohamad Rasydi Abd. Rashid, Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan dan Perundingan Koperasi (BPPK) kepada wakil pelajar UKM dan USIM. Turut serta Dr. Mohamad Haswardi Morshidi, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi (PPT) serta pegawai Pusat Pendidikan Tinggi.

 Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Encik Mohamad Rasydi menyampaikan sijil penyertaan kursus Sijil Pengurusan Koperasi kepada wakil pelajar UKM.

 Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Peserta bergambar bersama Puan Siti Hafizah bagi slot "Memahami Kewangan Koperasi".

 Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Dr Anuar bersama peserta bagi aktiviti "Komunikasi & Keterampilan Diri".

Kursus Sijil Pengurusan Koperasi: Memperkasa Graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Inisiatif Program Graduan ke Koperasi (G2K)

Mohamad Firdaus Mohd Desa
mohamadfirdaus@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



@Institut Koperasi Malaysia · 3h ago
Pelajar UPM bersama bergambar Dr. Hajah Hayati Md. Salleh.



Kursus Sijil Pengurusan Koperasi di bawah program Graduan ke Koperasi (G2K) telah berjaya dilaksanakan bagi pelajar tahun akhir Universiti Putra Malaysia (UPM). Program ini, anjuran Pusat Pendidikan Tinggi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa), bertujuan memberi pendedahan mendalam kepada graduan mengenai pengurusan koperasi sebagai langkah persediaan untuk menyertai sektor koperasi. Dengan kerjasama antara

IKMa dan UPM, program ini menjadi platform penting untuk membina kemahiran dan minat graduan dalam gerakan koperasi.

Penyertaan 12 orang pelajar tahun akhir UPM telah diadakan selama 5 hari bermula 6 Disember sehingga 10 Disember 2025 bertempat di IKMa Petaling Jaya. Secara keseluruhan, kursus Sijil Pengurusan Koperasi bagi

program G2K bagi pelajar UPM bukan sahaja meningkatkan pengetahuan pelajar, malah membuka pintu peluang kerjaya dalam sektor koperasi. Dengan penyertaan aktif 12 peserta, program ini membuktikan komitmen IKMa dan UPM dalam membina generasi muda yang berilmu dan berdaya saing. Graduan digalakkan memanfaatkan sijil ini untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara melalui gerakan koperasi.



IKMa Zon Selatan Perkukuh Hubungan Strategi bersama Kerajaan Negeri Johor

Siti Nuraini Abu Bakar
nuraini@ikma.edu.my
IKMa Zon Selatan



Kunjungan Hormat ke Pejabat YB Exco Belia dan Sukan.

Pada 18 September 2025, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan yang diketuai oleh Encik Yusri Hj. Tarip, Pengarah IKMa Zon Selatan, bersama Puan Adila Hashim, Timbalan Pengarah IKMa Zon Selatan dan Siti Nuraini Abu Bakar, Pegawai Latihan IKMa Zon Selatan telah mengadakan kunjung hormat ke Pejabat YB Tuan Mohd Hairi Mad Shah, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor. Pertemuan berlangsung di Kota Iskandar, Iskandar Puteri.

Kunjungan ini bertujuan memperkukuh hubungan strategik antara IKMa dan Kerajaan Negeri Johor melalui perbincangan menyeluruh mengenai perkembangan semasa gerakan koperasi. Antara perkara utama yang dibincangkan termasuklah penerapan teknologi dalam pentadbiran koperasi, potensi Anggota Lembaga Koperasi (ALK) untuk melanjutkan pengajian di Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), serta peluang mengikuti program Sijil Eksekutif Koperasi yang ditawarkan oleh IKMa.

IKMa percaya bahawa kerjasama erat bersama Kerajaan Negeri Johor dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian latihan, pendidikan dan pembangunan modal insan dalam kalangan warga koperasi negeri ini. Semoga pertemuan ini membuka ruang kerjasama yang lebih luas dan memberi impak positif kepada ekosistem koperasi Johor.

Program Pemantapan Modal Insan Madani 2025

Nur Hafieza Hashim

hafieza@ikma.edu.my
IKMa Zon Timur



Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur telah menganjurkan Program Pemantapan Modal Insan Madani 2025 pada 10 hingga 11 Oktober 2025 bertempat di Adena Beach Resort, Kuantan. Program ini menjadi platform penting untuk memperkuatkan hubungan silaturahim, meningkatkan semangat kerja berpasukan, menggilap potensi diri serta menyemarakkan budaya kerja cemerlang dalam kalangan warga kerja IKMa Zon Timur. Seramai 11 orang peserta termasuk warga kerja dari IKMa Cawangan Kuala Terengganu telah menyertai program ini.

Program dimulakan dengan aktiviti 'Bowling for Fun' di Playground No. 6, Semambu. Aktiviti santai ini bukan sahaja mengundang keriang melihat aksi spontan para peserta, malah berjaya merapatkan hubungan rakan sekerja serta memberi ruang untuk melepaskan tekanan tugas seharian. Pada sebelah malam, majlis makan malam bertema 'RED & BLACK' diadakan dalam suasana santai dan ceria bersama warga kerja IKMa Zon Timur dan IKMa Cawangan Kuala Terengganu.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Encik Mohamad Rasydi Abd.

Rashid, Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan & Perundingan Koperasi (BPPK) IKMa. Beliau turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan boling. Antara kategori yang dipertandingkan ialah Jatuhan Pin Terbanyak (Individu dan Berkumpulan) serta kategori istimewa 'Juara Longkang'. Sambutan hari lahir warga kerja, cabutan bertuah dan persembahan ringkas turut memeriahkan suasana malam tersebut.

Pada hari kedua, program diteruskan dengan aktiviti senamrobik dan sukaneka di tepi pantai. Aktiviti ini dirangka bagi meningkatkan kecergasan, memupuk

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Bergambar kenangan untuk Aktiviti "Bowling For Fun".

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Aktiviti Bowling For Fun di Playground No.6 Semambu, Kuantan.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Encik Mohamad Rasydi menyampaikan hadiah kepada para pemenang untuk aktiviti 'Bowling For Fun'.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Sambutan Hari Lahir warga kerja IKMa Zon Timur & Cawangan Kuala Terengganu.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Warga kerja bergambar kenangan untuk aktiviti senamrobik dan sukaneka pantai.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Aktiviti sukaneka pantai.

kerjasama dan menambahkan keceriaan dalam kalangan peserta. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk *grab the cup*, *no hands biscuit challenge*, *left-right challenge*, bola muzikal, mengisi air dalam botol serta cabaran istana pasir, yang turut dinilai oleh Encik Mohamad Rasydi.

Walaupun berkonsep santai, pengisian program ini memberikan ruang kepada warga kerja untuk berehat daripada tugas harian sambil memperkukuh

kesepaduan pasukan. Kesejahteraan dan kebersamaan warga kerja dizahirkan sebagai asas kepada kekuatan institusi.

Program Pemantapan Modal Insan Madani 2025 melabuhkan tirai dengan wajah-wajah ceria dan nilai persahabatan yang semakin erat. Ia bukan sekadar aktiviti riadah, tetapi satu pendekatan holistik dalam membentuk warga kerja yang positif, berdaya tahan dan bersemangat tinggi.

Melalui penganjuran program seperti ini, IKMa Zon Timur diyakini dapat terus memupuk budaya kerja cemerlang, nilai murni dan semangat kekeluargaan dalam organisasi.

Secara keseluruhan, program ini berjaya mencapai objektif sebagai pemangkin pembentukan pasukan kerja yang lebih kukuh, berintegriti dan bersedia menyumbang kepada kecemerlangan IKMa.



Institut Koperasi Malaysia · Follow :

Program Derma Darah & Ceramah Sayangi Jantung Anda

Julizah Sabstu

julizah@ikma.edu.my

Biro Kesihatan dan Kekeluargaan Puspanita



YBhg. Datin Sri Mariam bersama Pengerusi, ALK dan Kakitangan KOIKMa.



Perasmian Penutup oleh YBhg. Datin Sri Mariam binti Ismail, Pengerusi PUSPANITA KUSKOP.

Program Jom Derma Darah dan Ceramah Sayangi Jantung Anda telah diadakan pada 13 Oktober 2025 (Isnin) bertempat di Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Petaling Jaya. Program ini telah dianjurkan kerjasama antara Biro Kesihatan dan Kekeluargaan, Puspanita dan UPSM IKMa. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memupuk kesedaran dan kepentingan menjaga kesihatan jantung serta menggalakkan amalan menderma darah dalam kalangan warga kerja dan masyarakat setempat.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Sri

Mariam binti Ismail, Pengerusi Puspanita Cawangan KUSKOP. Dalam ucapan perasmian, beliau menekankan kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat dan tanggungjawab sosial melalui aktiviti seperti pendermaan darah. Beliau turut menggalakkan agar program sebegini dijadikan aktiviti tahunan bagi meningkatkan kesedaran kesihatan di tempat kerja.

Selain program derma darah, terdapat beberapa aktiviti menarik turut dijalankan sepanjang hari. Antaranya ceramah yang bertajuk "Superfood Revolution: Dari Dapur ke Gaya Hidup Sihat" yang disampaikan oleh Klinik

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Gambar bersama para peserta di Auditorium Dato' A. Majid.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Derma darah di Perpustakaan Tan Sri Noh Omar.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Sesi Demo CPR Jantung oleh pakar KPJ Damansara Specialist.

Institut Koperasi Malaysia · Follow :



Pemeriksaan kesihatan oleh Columbia Asia Puchong.

Pakar Jantung Dr. Rahim serta ceramah yang bertajuk “Jantung Sihat, Hidup Bahagia” yang dikendalikan oleh pakar daripada KPJ Damansara Specialist Hospital. Kedua-dua ceramah ini memberi pendedahan berguna tentang amalan pemakanan sihat dan penjagaan jantung yang berkesan.

Di samping itu, turut diadakan pemeriksaan kesihatan asas dari

Columbia Asia Puchong, booth jualan yang menjual pelbagai produk kesihatan dan makanan berkhasiat. Aktiviti urutan kesihatan juga disediakan bagi memberi peluang kepada para pengunjung merasai rawatan terapi ringan bagi melegakan tekanan dan keletihan.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan

daripada peserta. Objektif utama untuk menyemai kesedaran tentang kepentingan kesihatan jantung serta meningkatkan semangat kesukarelawan melalui aktiviti derma darah telah berjaya dicapai. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi melahirkan masyarakat yang lebih prihatin dan sihat sejahtera.



IKMa Melangkah ke Hadapan dengan

SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH (ABMS)

Afiza Abd Karim
afiza@ikma.edu.my
Unit Integriti

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) melangkah ke hadapan dalam usaha memperkukuh budaya integriti dan tadbir urus yang telus. Selaras dengan aspirasi kerajaan membanteras rasuah di sektor awam, IKMa telah melaksanakan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (Anti-Bribery Management System, ABMS) berasaskan piawaian antarabangsa ISO 37001:2025, dengan sasaran pensijilan menjelang tahun 2026.

ABMS ialah satu sistem pengurusan yang membantu organisasi mencegah, mengesan, dan menangani risiko rasuah secara berterusan. Ia bukan sekadar polisi atau dokumen, tetapi satu rangka kerja menyeluruh yang merangkumi kawalan dalaman yang ketat, latihan kesedaran untuk warga kerja dan rakan perniagaan, mekanisme pelaporan yang telus dan selamat, serta proses

audit dalaman dan luaran. Dengan ABMS, IKMa memastikan setiap urusan dijalankan secara telus, bebas daripada pengaruh rasuah, dan berlandaskan prinsip integriti.

Pelaksanaan ABMS di IKMa melibatkan pelbagai inisiatif penting. Antaranya termasuk penggubalan dasar-dasar integriti seperti Dasar Anti-Rasuah, Dasar Konflik Kepentingan, dan Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat. Prosedur operasi turut diperkukuh melalui tatacara pengurusan aduan, saringan vendor, serta audit dalaman yang sistematik. Rekod dan borang rasmi seperti Borang Ikrar Bebas Rasuah dan Laporan Risiko Rasuah pula menjadi bukti komitmen organisasi terhadap integriti. Selain itu, IKMa melaksanakan penilaian risiko secara berkala dengan mengambil kira faktor dalaman seperti

struktur organisasi, budaya kerja dan sumber manusia, serta faktor luaran seperti undang-undang, polisi kerajaan dan ekspektasi pihak berkepentingan. Semua ini disepadukan dalam Manual ABMS IKMa yang menjadi rujukan rasmi bagi pelaksanaan sistem.

Menariknya, usaha IKMa ini memenuhi kerangka pensijilan yang diiktiraf di peringkat global, sekali gus menonjolkan komitmen IKMa terhadap integriti bertaraf antarabangsa. International Organization for Standardization (ISO) iaitu badan penetapan standard antarabangsa telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas, Project Committee ISO (PC 278), pada tahun 2013. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar daripada lebih 50 buah negara dan organisasi antarabangsa termasuk Malaysia, yang bekerjasama



membangunkan piawaian ISO 37001 Anti-Bribery Management System (ABMS). Siri mesyuarat intensif telah diadakan di Madrid, Paris, Miami, Kuala Lumpur dan Mexico antara Jun 2013 hingga Jun 2016. Hasilnya, pada Oktober 2016 piawaian ISO 37001:2016 dilancarkan secara rasmi, menjadikannya rujukan global yang berprestij dalam usaha membanteras rasuah melalui sistem pengurusan yang berstruktur dan diiktiraf dunia.

Selepas pelancaran piawaian antarabangsa ini, Malaysia melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertindak sebagai scheme owner bagi program akreditasi badan pensijilan (Accreditation of Certification Body / ACB Scheme). Program ini dikendalikan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) selaku badan

akreditasi kebangsaan, manakala SIRIM QAS International sebagai badan pensijilan yang diakreditasi oleh JSM berperanan menjalankan audit dan mengeluarkan pensijilan ABMS kepada organisasi. Rantaian ini memastikan pensijilan ABMS di Malaysia dilaksanakan dengan kukuh, telus, dan berwibawa.

Kejayaan ABMS bergantung kepada penglibatan semua pihak. Pengurusan Tertinggi menyediakan sumber, meluluskan dasar dan menunjukkan teladan dalam mengamalkan integriti. Unit Integriti pula bertindak sebagai teras utama anti-rasuah dengan menyelia pelaksanaan sistem dan menjadi saluran pelaporan rasmi. Pegawai dan kakitangan IKMa dipertanggungjawabkan untuk mematuhi dasar serta melaporkan

sebarang salah laku, manakala rakan perniagaan seperti pembekal dan kontraktor turut diwajibkan mematuhi klausa anti-rasuah dalam kontrak.

Dengan sokongan piawaian antarabangsa serta pengawasan pihak berkuasa tempatan, IKMa yakin dapat meningkatkan kepercayaan pihak berkepentingan terhadap ketelusan perkhidmatan, membudayakan integriti sebagai teras kecemerlangan organisasi, menyokong pematuhan undang-undang seperti Akta SPRM 2009, serta melindungi reputasi IKMa sebagai institusi pendidikan koperasi yang berwibawa.

Keseluruhan usaha ini mencerminkan komitmen IKMa untuk menjadikan integriti dan tadbir urus yang baik sebagai asas kepada keberkesanan dan kecemerlangan perkhidmatan awam.



67 Warga IKMa Terima Penghargaan

Nor Azmawati Hj. Mohd Shafii

azmawati@ikma.edu.my
Unit Pengurusan Sumber Manusia

@Institut Koperasi Malaysia · 3h ago



1234



123



12



123

Majlis anugerah penghargaan kepada kakitangan merupakan satu peristiwa penting dalam mana-mana organisasi bagi menterjemahkan penghargaan di atas dedikasi, inovasi, dan perkhidmatan berterusan. Di bawah kepimpinan Ketua Pengarah IKMa, pengiktirafan ini memainkan peranan penting dalam menaikkan semangat warga kerja dan menetapkan penanda aras kecemerlangan kakitangan dan seterusnya kegemilangan IKMa.

Pada 21 November 2025, Jumaat, bertempat di Hotel Concorde Shah Alam, seramai 67 orang kakitangan telah diraikan dengan penuh gilang-gemilang melalui penganugerahan tiga kategori anugerah kecemerlangan modal insan IKMa iaitu Anugerah Ketua Pengarah (AKP), Anugerah Pekerja Contoh dan Anugerah Khidmat Setia Berjasa (AKSB).

Kehadiran Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa YB Tuan Onn bin Abu Bakar, membuktikan komitmen pihak pengurusan tertinggi IKMa dalam menzahirkan penghormatan kepada individu yang telah menunjukkan prestasi luar biasa, kepimpinan inspirasi, atau sumbangan signifikan yang memberi impak besar kepada hala tuju strategik organisasi. Penerima anugerah akan menjadi teladan kecemerlangan, menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap misi organisasi. Kejayaan mereka bukan

sahaja diraikan, malah diharapkan dapat menyemai aspirasi dalam kalangan rakan sekerja untuk terus berinovasi dan berusaha mencapai kecemerlangan. Di samping itu, Anugerah Pekerja Contoh menonjolkan individu yang secara konsisten melampaui jangkauan dalam peranan harian mereka. Mereka ialah tunjang kekuatan operasi, yang kecekapan, sikap positif, dan kerjasama berpasukan mereka menyumbang secara langsung kepada persekitaran kerja yang produktif dan harmoni. Pengiktirafan ini menekankan bahawa setiap peranan, tidak kira betapa kecilnya, adalah penting kepada kejayaan kolektif.

Akhir sekali, Anugerah Khidmat Setia Berjasa (AKSB) memberi penghormatan kepada kakitangan yang menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada organisasi dan telah mengabdikan sebahagian besar kerjaya mereka untuk perkhidmatan. Kesetiaan dan pengalaman mereka adalah khazanah yang tidak ternilai, menjadi sumber panduan dan kesinambungan institusi. Meraikan khidmat setia ini adalah cara organisasi mengucapkan terima kasih atas sumbangan jangka panjang mereka dan menonjolkan nilai kesetiaan dan komitmen.

Secara keseluruhannya, majlis penganugerahan ini bukan sekadar sebuah upacara formal, tetapi

manifestasi penghargaan mendalam terhadap modal insan yang menjadi teras kekuatan organisasi. Penganugerahan ini membuktikan bahawa usaha, dedikasi dan komitmen setiap warga IKMa sentiasa dihargai.

Apabila para penerima diraikan, mesej yang jelas disampaikan ialah bahawa kecemerlangan, integriti dan komitmen merupakan nilai teras yang dijunjung tinggi dalam budaya kerja IKMa. Pengiktirafan ini turut menyuntik semangat dan motivasi kepada seluruh kakitangan untuk terus menyumbang ke arah kejayaan bersama. Dengan semangat tersebut, IKMa terus melangkah ke hadapan menuju kecemerlangan yang lebih gemilang. Kita Cemerlang, IKMa Gemilang!

Jumlah keseluruhan penerima anugerah adalah seramai 67 orang dan pecahan kategori seperti berikut:

- Anugerah Ketua Pengarah: 7 orang
- Anugerah Pekerja Contoh: 9 orang
- Anugerah Khidmat Setia Berjasa (AKSB):
 - o 40 tahun: 1 orang
 - o 30 tahun: 2 orang
 - o 20 tahun: 36 orang
 - o 15 tahun: 6 orang
 - o 10 tahun: 6 orang

Penerima Anugerah Khidmat Setia Dan Berjasa (AKSB) Tahun 2024

40 TAHUN



1. **Encik Wan Idris Adnan**
Pembantu Pustakawan
Gred S2

30 TAHUN



1. **Puan Zaleha Yusof**
Pembantu Pustakawan
Gred S3
2. **Encik Umar Harun**
Pembantu Penyediaan Makanan
Gred S2

20 TAHUN



1. **Puan Norbiha Kosmuri @ Kasmuri**
Pengaroh Gred E12
2. **Dr. Zurita Mohd Saleh**
Pengaroh Gred E12
3. **Encik Ahmad Faizal Ahmad Shaarani**
Pegawai Latihan Gred E10
4. **Encik Asha'ari Arshad**
Pegawai Latihan Gred E10
5. **Encik Jaibit Jaudin**
Pegawai Latihan Gred E12 (M)
6. **Encik Mohammad Pisah Ali**
Ketua Cawangan Gred E12 (M)
7. **Puan Nasibah Ahmad**
Pegawai Latihan Gred E12 (M)
8. **Puan Nor Aslamiah Ali**
Pegawai Latihan Gred E12 (M)
9. **Puan Norhayati Abdul Rahman**
Pegawai Latihan Gred E12 (M)
10. **Puan Nur Faeza Yahya**
Pengaroh Gred E12 (M)
11. **Puan Syarifah Rohaya Wan Idris**
Ketua Cawangan Gred E12 (M)
12. **Encik Datu Zahiruddin Datu Tambuyong**
Penolong Pengarah Kanan Gred N9
13. **Encik Mazlan Ali**
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F10 (M)
14. **Puan Khadijah Ahmad**
Penolong Akauntan Gred W6
15. **Encik Hairulnizam Mohd Rosli**
Penolong Jurutera Gred Ja5
16. **Encik Abu Bakar Ramle**
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N2
17. **Encik Mohd Hasrulnizan Kusaini**
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N2
18. **Encik Mohd Johari Khairil Anuar**
Pembantu Pustakawan Gred S2
20. **Puan Hamidah Mohd Jos**
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Gred N13
21. **Puan Nor Azila Md Tauhid**
Pengaroh Pentadbiran Gred N12
22. **Puan Haslinda Sujak**
Pengaroh Gred E12 (M)
23. **Puan Hartini Taman**
Penolong Akauntan Gred W6
24. **Encik Mohamad Syahman Ramli**
Juruteknik Komputer Gred Ft3
25. **Puan Nooraini Nashruddin**
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N2
26. **Encik Mustakim Omar**
Pembantu Khidmat Am Gred H1
27. **Encik Yusri Tarip**
Pengaroh Gred E12 (M)
28. **Puan Nur Raida Fariza Patrek Abdullah**
Setiausaha Pejabat Gred N6
29. **Encik Faiz Ahmad Yatim**
Pengaroh Gred E12
30. **Puan Yuslinah Pungut**
Penolong Akauntan Gred W6
31. **Encik Mohd Faisal Shariff**
Pegawai Latihan Gred E10
32. **Encik Hasrin Abu Hassan**
Pegawai Latihan Gred E10
33. **Dr. Mohd Shahron Anuar Said**
Pengaroh Gred E12 (M)
34. **Puan Rozilah Abdullah**
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N2
35. **Puan Zarina Ab Azais**
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N2
36. **Encik Mohd Rasid Abdul Hair**
Penolong Juruaudit Gred W6

15 TAHUN



1. **Puan Norawati Ngatmin**
Pegawai Latihan Gred E10
2. **Encik Khairul Azmi Ismail**
Ketua Audit Dalam Gred W10
3. **Puan Nur Syazwani Zainul Abidin**
Pegawai Latihan Gred E10
4. **Encik Faizul Amilin Hamzah**
Pembantu Penyediaan Makanan Gred N2
5. **Puan Sharepah Nur Azirah Shareh Abd Rahman**
Penolong Pegawai Tadbir Gred N6
6. **Puan Hanani Abdul Rashid**
Penolong Pegawai Tadbir Gred N6

10 TAHUN



1. **Encik Mohd Nadzir Rasli**
Pembantu Khidmat Am Gred H1
2. **Puan Dinah Nabilah Mokhtaruddin**
Pegawai Latihan Gred E10
3. **Puan Rina Fairuz Jahya**
Pegawai Latihan Gred E10
4. **Puan Nur Zulaikha Borhan**
Penolong Akauntan Gred W5
5. **Encik Mohd Fitri Ab Rahman**
Pegawai Latihan Gred E10
6. **Puan Siti Halijah Aris**
Pembantu Khidmat Am Gred H1

Anugerah Ketua Pengarah 2025



1. **Puan Noranita Mohd Nor**
Pengarah Gred E10
2. **Puan Hajar Azwin Hj. Mohamad Ashi**
Pegawai Latihan Gred E9
3. **Encik Muhamad Shafiq Mohd Noor**
Pegawai Latihan Gred E9
4. **Puan Nor Alyani Abdul Razak**
Pegawai Latihan Gred E10
5. **Puan Nur Shazlen Sahrol**
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N1
6. **Puan Rohaya Ibrahim**
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N2
7. **Encik Datu Zahiruddin Datu Tambuyong**
Penolong Pengarah Gred N9

Anugerah Pekerja Contoh 2025



1. **Puan Hjh. Siti Maimunah Jerni**
Pengarah Gred E12 (M)
2. **Puan Siti Hajar Saaey**
Pegawai Latihan Gred E10 (M)
3. **Encik Mohamad Azim Abd. Aziz**
Pen. Peg.Teknologi Maklumat Gred FA6
4. **Puan Irawana Ibrahim**
Pen. Peg.Teknologi Maklumat Gred FA6
5. **Puan Rozilah Abdullah**
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N2
6. **Encik Tz Mohd Fitree Zakaria**
Juruteknik Komputer Gred FT2
7. **Puan Hasharatul-anim Md. Zan**
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N1
8. **Puan Nur Amalina Sidek**
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N1
9. **Encik Mohd. Faiz Mokhtar**
Juruteknik Komputer Gred FT1



Institut Koperasi Malaysia · Follow:

Ubat Oh Ubat: Jangan Makan Sembarangan

Khairul Akmal Saim

 akmal@ikma.edu.my
 Unit Perkhidmatan Perpustakaan


Sesi kali ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang kepentingan pengambilan ubat-ubatan secara betul dan berhemah serta bahaya makan ubat secara semberono tanpa nasihat profesional. Penceramah jemputan bagi sesi ini ialah Dr. Fahmi Hassan, Pegawai Farmasi Gred UF14 dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang. Beliau telah berkongsi maklumat penting mengenai tatacara penggunaan ubat yang selamat dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan sebarang kesan buruk akibat penyalahgunaan atau penggunaan ubat yang tidak tepat.

Sesi perkongsian yang berinformasi ini telah diadakan pada hari Jumaat, 31 Oktober 2025, bermula jam 10 pagi dan dijalankan secara maya melalui platform Google Meet, membolehkan penyertaan lebih meluas. Selain itu, sesi ini turut dikendalikan oleh Encik Khairul Akmal Saim, Penolong Pengarah Kanan Unit Perkhidmatan Perpustakaan (UPP), yang bertindak sebagai moderator. Seramai 78 orang peserta dalam talian hadir, terdiri daripada warga IKMa, warga Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), anggota koperasi serta pelbagai agensi lain.

Secara keseluruhannya, program SPP@IKMa ini telah berjaya mencapai matlamatnya untuk menyampaikan pendidikan kesihatan yang tepat kepada warga IKMa dan masyarakat umum mengenai pengambilan ubat secara selamat, selaras dengan komitmen IKMa dalam memperkaya ilmu pengetahuan kepada semua.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menganjurkan satu sesi perkongsian pengetahuan yang amat bermanfaat di bawah program SPP@IKMa bertajuk "Ubat Oh Ubat : Jangan Makan Sembarangan". Program perkongsian pengetahuan bersiri ini adalah kerjasama Unit Perkhidmatan Perpustakaan dan Unit Pengurusan Sumber Manusia yang dilaksanakan secara berkala sepanjang tahun bagi membudayakan pengurusan pengetahuan di IKMa.

Kursus Penulisan Artikel

Zaharatul Laili Zakaria

laili@ikma.edu.my

Unit Pembangunan Modal Insan dan Transformasi Digital



Para peserta bergambar kenangan bersama dengan penceramah, YBhg. Dato' Dr. Chamil Wariya.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) terus memainkan peranan signifikan sebagai satu-satunya pusat pendidikan dan latihan koperasi yang menerbitkan bahan rujukan serta bacaan khusus bagi menyokong perkembangan gerakan koperasi di Malaysia. Peranan ini amat penting dalam usaha menyebarkan fungsi, pengetahuan dan kefahaman tentang koperasi bukan sahaja kepada gerakan koperasi, malah kepada masyarakat umum. Melalui penerbitan yang berkualiti, IKMa berupaya mendidik masyarakat mengenai kepentingan berkoperasi sebagai satu mekanisme pembangunan ekonomi dan sosial.

Dalam konteks ini, Majalah Dimensi KOOP dan Majalah INFO terbitan IKMa terus menjadi wadah penting dalam menyalurkan idea, maklumat dan isu semasa berkaitan koperasi. Kedua-dua majalah ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform komunikasi yang membantu memperkukuh promosi gerakan

koperasi, tetapi juga menjadi medium penyebaran ilmu yang signifikan dalam pembangunan sektor koperasi di Malaysia.

Selaras dengan peranan tersebut, penganjuran Kursus Penulisan Artikel yang berlangsung pada 27 hingga 29 November 2025 menjadi satu inisiatif strategik bagi memastikan sidang editor IKMa sentiasa dilengkapi dengan kemahiran penulisan yang relevan dan profesional. Kursus ini memberi fokus kepada tiga objektif utama, iaitu memberikan kefahaman tentang teknik penulisan yang berkualiti, meningkatkan kompetensi pegawai dalam penulisan artikel serta memberikan pendedahan mengenai kaedah penulisan yang berkesan. Sehubungan dengan itu, seramai 26 orang sidang editor telah terlibat dalam kursus kali ini yang diadakan di Hotel Lexis, Port Dickson, sekali gus menyediakan ruang pembelajaran yang kondusif, tersusun dan berfokus bagi memperkukuh keupayaan peserta dalam dunia penulisan.

Menariknya, penganjuran kursus tahun ini, IKMa telah menjemput penceramah jempuan tersohor, YBhg. Dato' Dr. Chamil Wariya, seorang tokoh yang tidak asing lagi dalam dunia penulisan. Dengan pengalaman lebih 50 tahun dalam bidang penulisan dan kewartawanan, kehadiran beliau bukan sahaja memperkayakan sesi pembelajaran, malah menjadi suntikan semangat kepada sidang editor untuk meningkatkan mutu penulisan masing-masing. Pengalaman luas dan perkongsian ilmu beliau telah membuka perspektif baharu mengenai kepentingan ketelitian, nilai kreativiti dan etika penulisan dalam menghasilkan karya yang berkualiti dan berimpak.

Diharapkan penganjuran kursus ini dapat merencangkan lagi serta membudayakan penulisan yang berkualiti dalam kalangan sidang editor sekali gus menghasilkan penerbitan koperasi yang berimpak tinggi.

PROGRAM

INFO

Galeri



**Program Pemantapan
Modal Insan Madani
IKMa 2025
22 - 23 Ogos**

**Program Serahan & Kempen Kibar
Jalur Gemilang
14 Ogos**



Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) 2025 18 - 29 OGOS



Program Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) anjuran Pusat Antarabangsa IKMa bersama Kementerian Luar Negeri telah disertai oleh 15 orang peserta daripada 8 negara iaitu Thailand, Indonesia, Turkiye, Cambodia, Ghana, India, Nepal dan Mauritius.

Program ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman pembangunan, memperkukuh hubungan dua hala, menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan (SSC) serta memperluas kerjasama teknikal antara negara membangun (TCDC).

Sepanjang program, peserta turut melawat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), COOPBANK PERTAMA, serta koperasi komuniti di Kepulauan Tuba, Selat dan Kampung Kilim bagi melihat perjalanan gerakan koperasi di Malaysia.

Majlis perasmian penutup program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa.

Hari Inovasi, Kreativiti Dan Integriti IKMa 2025 21 November



SEWA KEMUDAHAN IKMa

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) menawarkan perkhidmatan penyewaan kemudahan untuk pelbagai PROGRAM dan MAJLIS. Berikut adalah kadar sewa yang ditawarkan:

AUDITORIUM DATO' A. MAJID	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 220 pax • Wang cagaran RM300.00 	
KOPERASI/AGENSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
Sewa 5 jam RM1,250.00	Sewa 5 jam RM1,500.00
Tambahan caj setiap jam RM180.00	Tambahan caj setiap jam RM190.00
TV Wall/Smart Board RM1,750.00 (5 jam)	TV Wall/Smart Board RM1,750.00 (5 jam)

DEWAN ABDUL AZIZ ISHAK	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 250 pax • Wang cagaran RM300.00 	
KOPERASI/AGENSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
Sewa 5 jam RM1,250.00	Sewa 5 jam RM1,500.00
Tambahan caj setiap jam RM180.00	Tambahan caj setiap jam RM190.00

DEWAN MAKAN (SERI SIANTAN/SERI TANJUNG)	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 220 pax • Wang cagaran RM300.00 	
KOPERASI/AGENSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
Sewa 5 jam RM1,250.00	Sewa 5 jam RM1,500.00
Tambahan caj setiap jam RM180.00	Tambahan caj setiap jam RM190.00
LCD Projektor RM500.00 (5 jam)	LCD Projektor RM600.00 (5 jam)

BILIK KULIAH (BESAR) – BUNGA RAYA	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 80 pax • Wang cagaran RM300.00 	
KOPERASI/AGENSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
RM380.00 (5 Jam)	RM500.00 (5 Jam)
Tambahan caj setiap jam RM65.00	Tambahan caj setiap jam RM65.00
TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)	TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)

BILIK KULIAH (KECIL) – MELATI, MELUR & SEROJA	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 30 pax • Wang cagaran RM300.00 	
KOPERASI/AGENSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
RM250.00 (5 Jam)	RM400.00 (5 Jam)
Tambahan caj setiap jam RM65.00	Tambahan caj setiap jam RM65.00
TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)	TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)

BILIK PENGINAPAN	
<ul style="list-style-type: none"> • Wang cagaran RM300.00 (Berkumpulan) 	
JENIS A	
KOPERASI/AGENSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
RM100.00/malam	RM115.00/malam
JENIS B	
KOPERASI/AGENSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
RM65.00/malam	RM75.00/malam

BILIK KOMPUTER (BESAR) – ATOM & NANO	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 50 pax • Wang cagaran RM300.00 	
ANGGOTA KOPERASI/AGENSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
RM450.00 (9 Jam)	RM450.00 (9 Jam)
Tambahan caj RM30.00 setiap komputer yang digunakan	Tambahan caj RM30.00 setiap komputer yang digunakan

BILIK KOMPUTER (KECIL) – XEON	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 30 pax • Wang cagaran RM300.00 	
ANGGOTA KOPERASI/AGENSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
RM450.00 (9 Jam)	RM450.00 (9 Jam)
Tambahan caj RM30.00 setiap komputer yang digunakan	Tambahan caj RM30.00 setiap komputer yang digunakan

SKYLIGHT	
<ul style="list-style-type: none"> • Wang cagaran RM300.00 	
KOPERASI/AGENSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
Sewa 5 jam RM550.00	Sewa 5 jam RM600.00

GELANGGANG FUTSAL & PETANQUE	
<ul style="list-style-type: none"> • Wang cagaran RM300.00 	
KOPERASI/AGENSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
Sewa 5 jam RM80.00	Sewa 5 jam RM140.00
Tambahan caj setiap jam RM40.00	Tambahan caj setiap jam RM40.00



Maklumat lanjut sila hubungi:
Unit Fasiliti dan Sajian
Institut Koperasi Malaysia
103, Jalan Templer
46700 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

- ☎ 03-7964 9000 (samb. 098)
- ✉ sewa@ikma.edu.my
- 🌐 www.ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) menerbitkan pelbagai bahan berkaitan koperasi, termasuk:



Jurnal

Malaysia Journal of Cooperative Studies (MJCS): MJCS adalah jurnal akademik yang diterbitkan satu kali setahun oleh IKMa. Jurnal ini menerbitkan artikel penyelidikan tentang koperasi dari seluruh dunia.



Laporan Tahunan

Laporan tahunan IKMa: IKMa menerbitkan laporan tahunan yang memaparkan pencapaian dan aktiviti IKMa sepanjang tahun.



Majalah

- **Dimensi Koop:** Dimensi Koop adalah majalah yang diterbitkan oleh IKMa untuk gerakan koperasi dan orang awam. Majalah ini menyediakan artikel tentang koperasi di Malaysia khususnya.



Monograf Penyelidikan

IKMa menerbitkan monograf penyelidikan tentang pelbagai aspek koperasi. Ia bertujuan untuk membantu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman tentang koperasi.



- **INFO:** Majalah INFO merupakan majalah tentang aktiviti atau program yang dijalankan oleh IKMa bagi sepanjang tahun. Ia diterbitkan sebanyak dua kali setahun.

Buku

IKMa menerbitkan buku dan rujukan untuk gerakan koperasi. Buku-buku ini meliputi topik seperti tadbir urus, pengurusan kewangan, pengurusan koperasi dan Kisah Kejayaan Koperasi Dalam dan Luar Negara dan lain-lain lagi.

CARA MENDAPATKAN BUKU: TERBITAN IKMa

- Bahan penerbitan IKMa boleh didapati dengan cara berikut:
- Membeli secara dalam talian: Kebanyakan bahan penerbitan IKMa boleh dibeli secara dalam talian di laman web e-learning.ikma.edu.my.
 - Muat turun secara percuma: Beberapa bahan penerbitan IKMa boleh dimuat turun secara percuma di laman web IKMa.